





LAPORAN TAHUNAN 2022

Lembaga HASiL Dalam Negeri Malaysia





LAPORAN **TAHUNAN** 2022

Lembaga HASiL Dalam Negeri Malaysia

Cetakan Pertama 2024

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2022

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan LHDNM 2022

Reka Bentuk Kulit : Precious Print Sdn Bhd.

Diatur huruf oleh : Mazni Ahmad Munawar / Junaidatul Al-Fatihah Elias

Rupa taip teks : DIN

Saiz taip teks : 9/10 pt

Dicetak oleh :

Precious Print Sdn Bhd. (1003101-D)

No.28, Jalan SC 5/B,

Pusat Perindustrian Sg Chua,

43000 Kajang, Selangor

Tel : 03-87403249

KANDUNGAN

4	Perutusan Pengerusi Anggota Lembaga LHDNM	26	Pengurusan Atasan
8	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM	28	Penyataan Tadbir Urus Korporat
12	Profil LHDNM	40	Pencapaian LHDNM 2022
14	Fungsi Lembaga	47	Teras Strategik
15	Kuasa Lembaga	74	Anugerah dan Pengiktirafan
16	Budaya Korporat	80	Bantuan Khas Kerajaan
18	Piagam Pelanggan	90	Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) HASiL Prihatin
20	Nilai Teras	102	Penyata Kewangan
22	Carta Organisasi	162	Laporan Prestasi Kewangan
24	Anggota Lembaga		

PERUTUSAN PENGGERUSI ANGGOTA LEMBAGA LHDNM

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Tahun 2022 – Bangkit Daripada Sebuah Ketidaktentuan

Impak pandemik COVID-19 yang diibarat ‘melumpuhkan’ seisi dunia sememangnya mengesankan setiap daripada kita. Sejak dua tahun yang lalu, Malaysia tidak terkecuali daripada menerima tempas yang masih bersisa walaupun pelbagai langkah pemulihan telah mula menampilkan hasilnya. Seharusnya kita memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Illahi kerana negara tercinta ini diberikan peluang untuk bangkit semula sungguhpun dunia masih menunjukkan ketidakstabilan secara keseluruhannya.



Dalam usaha kerajaan merangka pelbagai perancangan sama ada berskala sementara mahupun untuk jangka masa yang panjang, tahun 2022 tidak dapat lari daripada dikaitkan dengan dua isu utama dalam sektor kewangan iaitu peningkatan luar biasa ketegangan geopolitik dan inflasi tertinggi yang pernah dicatatkan. Keadaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor, terutamanya pencerobohan yang dilakukan oleh Rusia ke atas Ukraine, krisis tenaga di benua Eropah, dan kesan daripada inflasi yang berpunca daripada gangguan rantai bekalan yang kuat termasuklah kesan rangsangan fiskal yang berlarutan. Justeru, situasi sebegini turut diambil perhatian agar segala yang dirancang akan mencapai matlamat dan memberikan manfaat yang terbaik kepada rakyat.

Syukur, ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7% untuk tahun 2022, melebihi anggaran 6.5% - 7.0% yang dibuat pada bulan Oktober 2022. Prestasi ini juga jauh melebihi pertumbuhan ekonomi 3.1% yang dicapai tahun 2021. Keberhasilan ini didorong oleh langkah-langkah proaktif dan berterusan oleh kerajaan dalam meningkatkan semula keyakinan semua yang terlibat dalam sektor ekonomi, terutamanya pengguna, perniagaan dan pelabur. Ia jelas diterjemahkan melalui petunjuk ekonomi suku keempat tahun 2022 iaitu permintaan domestik dan pasaran buruh dalam negara yang lebih baik, kekukuhan nilai Ringgit Malaysia, pertumbuhan perdagangan luar dan prestasi pelaburan langsung asing (FDI) yang memberangsangkan.

Prestasi Tahun 2022

Sekalung tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi selaku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan seluruh warga kerja LHDNM atas pencapaian kutipan cukai yang membanggakan bagi tahun 2022 iaitu sebanyak RM175.46 bilion, nilai tertinggi yang pernah dicatatkan dalam sejarah percukaian negara dengan peningkatan sebanyak RM31.36 bilion

atau 21.76 peratus melebihi jumlah kutipan pada tahun 2021. Sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab secara langsung dalam penjana hasil pendapatan negara, LHDNM telah memperkasa serta menambah baik kaedah dan strategi yang digunakan dalam proses kerja yang berkaitan untuk memacu prestasi yang lebih baik setiap tahun. LHDNM secara keseluruhannya telah mencapai :

Teras	KRA	Proses Utama	Prestasi 2022
Hasil		Kutipan Cukai	RM175.46 bilion@ 109.52%
Tahap Kesedaran Pematuhan Sukarela Yang Tinggi	KRA 1 Pematuhan Cukai Secara Sukarela	Pematuhan dan Penguatkuasaan (Kes)	Jumlah selesai 2,576,828 kes @ 139.06%
		i. Audit	Bil. selesai 2,572,853 kes @ 137.28%
		ii. Siasatan	Bil. selesai 3,975 kes @ 142.68%
		Pengurusan Debit	Pencapaian pelaksanaan : 1.37% @ 109.59%
Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti	KRA 2 Fokus Pelanggan	Keberkesanan Program Pendidikan Dan Kesedaran Cukai	Pencapaian : 141.57%
		Kepuasan Pelanggan Atas Perkhidmatan Yang Ditawarkan :	Keseluruhan : 108.55%
		i. Penggunaan Mytax Individu ii. Indeks Kepuasan Pelanggan	Pencapaian : 105.17% Pencapaian: 110.99%
Pengurusan Sistem dan Proses Kerja yang Efektif dan Efisien	KRA 3 Kecemerlangan Operasi	Perkhidmatan Sistem Dalam Talian	Pencapaian : 106.00%
		Kecekapan perkhidmatan :	Keseluruhan : 132.72%
		i. Penyelesaian Bayaran Balik	Kes selesai 99.97% daripada permohonan diterima @ 111.11%
		ii. Penyelesaian Borang Q	Kes selesai 97.00% daripada permohonan diterima @ 107.78%
		Kecekapan Kos Pungutan :	Pencapaian kos pungutan pada RM 1.48 @ 135.14%
Pengurusan Organisasi Dinamik dan Berprestasi Tinggi	KRA 4 Institusi Mapan	Indeks Kepuasan Bekerja	Keseluruhan : 179.19%
		i. Indeks Kepuasan Bekerja	Mencapai 97.24% tahap kepuasan bekerja @ 114.40%
		ii. Pegawai Mengikuti Latihan Meningkatkan Skil Dan Pengetahuan	Pencapaian : 243.97%

Sumber – Jabatan Operasi Cukai

Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran yang getir, terutamanya semasa negara sedang berada dalam fasa bangkit semula, pencapaian ini sesungguhnya mencerminkan budaya kerja Keluarga LHDNM yang sentiasa positif dan berusaha untuk membantu negara dalam segenap ruang yang ada. Saya yakin segala perancangan yang telah dirangka adalah demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Belanjawan 2023

Pembentangan Belanjawan 2023 oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, YBhg. Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemakan Membangun Malaysia MADANI telah menyenaraikan 12 ikhtiar utama yang dirangkumkan di bawah tiga (3) tekad utama iaitu :

PERTAMA : Pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan,

KEDUA : Reformasi institusi dan tatakelola bagi memulih keyakinan, dan

KETIGA : Keadilan sosial untuk menyederhana kesenjangan.

Bagi aspek percukaian, terdapat inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan di bawah pelbagai ikhtiar termasuklah dalam sudut meningkatkan hasil negara, potongan, galakan dan insentif baharu cukai di samping penambahbaikan serta semakan semula pelepasan sedia ada. Antaranya adalah pengenalan Cukai Keuntungan Modal, kadar cukai efektif minimum di peringkat global, pengurangan kadar cukai perusahaan mikro, kecil dan sederhana

(PMKS), galakan cukai bagi kenderaan elektrik serta sektor pelancongan dan sebagainya.

Langkah-langkah yang diambil ini jelas menunjukkan kesungguhan berterusan kerajaan dalam meringankan bebanan rakyat, termasuklah mereka yang turut berperanan sebagai pembayar cukai yang telah menyumbang kepada kelangsungan ekonomi negara. Dengan peruntukan sebanyak RM388.1 bilion, Belanjawan 2023 dilihat mencakupi pelbagai aspek dan ruang dalam mempersiapkan negara ke arah perubahan norma dunia selepas kelembapan ekonomi yang melanda.

Namun, usaha ini memerlukan sokongan serta rangsangan daripada setiap golongan lapisan dan kumpulan masyarakat untuk sama-sama menggembleng tenaga demi membina negara tercinta ini. Sekiranya semua pihak memahami serta memainkan peranan masing-masing dalam kitaran ini, sudah pasti negara akan bangkit semula dengan lebih pantas dan aktiviti ekonomi yang berlegar di dalam mahupun luar negara semakin berkembang seiring dengan pergerakan dunia.

Cabaran Masa Mendatang

Dasar ekonomi negara sememangnya akan berkait rapat dan dipengaruhi oleh pasaran kewangan dan ekonomi dunia. Bank Dunia meramalkan ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak 3.9 peratus pada tahun 2023. Walaupun kitaran penurunan teknologi global dan permintaan luar yang lemah menghentikan pertumbuhan ekonomi pada suku kedua 2023 kepada 2.9 peratus, tetapi dijangka meningkat kepada 4.3 peratus pada tahun 2024.

Namun begitu, atas dasar keyakinan bahawa prospek ekonomi domestik yang semakin mengukuh, Kerajaan mengunjurkan bahawa pertumbuhan ekonomi sekitar 4.5 peratus. Kerajaan turut mengurangkan defisit fiskal 2023 kepada 5 peratus berbanding 5.6 peratus pada 2022 dan menyasarkan tahap defisit fiskal yang mampan dalam jangka masa sederhana dengan sasaran 3.2 peratus kepada KDNK menjelang 2025.

Perkembangan tersebut didorong oleh faktor-faktor seperti pelaksanaan berterusan projek

pelaburan berbilang tahun, pekerjaan dan pendapatan yang terus bertambah baik, langkah-langkah dasar secara bersasar dan pemulihan aktiviti pelancongan yang berterusan. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran yang bakal dihadapi juga harus diberi perhatian dan penekanan, terutamanya pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang menjadi perlahan disebabkan inflasi yang kekal tinggi dan dasar monetari dan pasaran kewangan yang ketat; serta peningkatan kos sara hidup dan kos input yang mengakibatkan tekanan ke atas kos dan harga seterusnya akan melembapkan perbelanjaan oleh pengguna dan syarikat.

Kesan persekitaran ekonomi ini sedikit sebanyak pasti akan mempengaruhi jumlah kutipan cukai langsung dan pendapatan negara. Namun, dengan trend peningkatan dalam hasil kutipan cukai setiap tahun, pencapaian yang cemerlang ini harus dikekalkan demi memastikan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lebih progresif dan menyeluruh.

Teruskan Kecemerlangan

Sekali lagi saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua barisan Anggota Lembaga, pengurusan tertinggi LHDNM dan Hasilian yang sentiasa berganding dalam memacu pencapaian cemerlang LHDNM saban tahun di samping mendukung segala aspirasi kerajaan. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua Hasilian yang sentiasa mendahulukan rakyat dalam setiap tugas yang diamanahkan. Sesungguhnya, dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan ini membawa cerminan yang positif kepada tahap perkhidmatan penjawat awam secara amnya.

Kepada semua pembayar cukai yang menjadi tunjang kepada setiap pembangunan dan kelestarian kesejahteraan rakyat, terima kasih diucapkan kerana sentiasa bersama-sama LHDNM dalam melunaskan tanggungjawab kepada negara tercinta. Setiap sumbangan yang diberikan bukanlah diukur daripada kecil atau besar nilainya, tetapi makna yang dibawa untuk dimanfaatkan oleh setiap golongan masyarakat, terutamanya yang benar-benar memerlukannya.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Dato' Asri bin Hamidon
Pengerusi Anggota Lembaga
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LHDNM

**Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera**

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana Laporan Tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2022 telah berjaya diterbitkan. Dalam kesempatan ini, saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan atas kepercayaan serta sokongan berterusan kepada LHDNM dalam menjalankan fungsi sebagai pentadbir cukai negara.

Penerbitan ini menghimpunkan segala perjalanan ke arah pencapaian dan kejayaan LHDNM dalam mendukung usaha kerajaan membangunkan negara selepas kemelut pandemik yang melanda seluruh dunia.



Pencapaian LHDNM

Seiring dengan peralihan fasa endemik, ekonomi negara dilihat mulai berkembang rancak apabila pelbagai sektor dan aktiviti perniagaan kembali dibuka. Walaupun persekitaran dunia masih lagi dibelenggu dengan konflik geopolitik yang berlaku di Eropah Timur, perkembangan positif dalam kitaran ekonomi dalam negara dilihat semakin memberangsangkan. Ini turut disokong dengan suntikan bersasar kerajaan kepada beberapa sektor ekonomi sebagai langkah pemulihan yang berkesan bagi kelangsungan industri tersebut.

LHDNM telah merekodkan pencapaian kutipan cukai luar biasa pada tahun 2022 kerana berjaya mencatatkan kutipan sebanyak RM175.46 bilion, nilai tertinggi yang pernah dicatatkan dalam sejarah percukaian negara dengan peningkatan sebanyak RM31.36 bilion atau 21.76 peratus melebihi jumlah kutipan pada tahun 2021. Lebih

membanggakan, data tahun 2022 menunjukkan cukai langsung telah menyumbang 74.3 peratus kepada kutipan hasil cukai dan 69.5 peratus kepada hasil kerajaan persekutuan, sekali gus menjadi penyumbang terbesar kepada hasil kerajaan. Cukai langsung kekal sebagai penyumbang utama hasil negara yang antaranya terdiri daripada cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan petroleum. Tambahan lagi, pelaksanaan Cukai Makmur secara *one-off* ke atas syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022 seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2022 turut menyumbang ke arah peningkatan ini.

Secara ringkasnya, jumlah kutipan cukai langsung mengikut komponen bagi tahun 2022 adalah seperti Jadual 1 :

Jadual 1: Perbandingan Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen

Komponen Cukai Langsung	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	Peratus (%)
Syarikat	97,943.45	86,989.03	12.59
Petroleum	23,420.73	11,569.86	102.43
Individu	39,259.71	33,890.72	15.84
Koperasi	163.02	141.76	15.00
Duti Setem	8,078.71	6,339.86	27.43
Cukai Pegangan	3,684.16	3,035.47	21.37

Komponen Cukai Langsung	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	Peratus (%)
CKHT	2,128.73	1,803.17	18.05
Aktiviti Perniagaan Labuan	736.12	289.24	154.50
Lain - lain*	50.23	50.23	0.00
JUMLAH	175,464.87	144,109.36	

* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

Sumber: Jabatan Pungutan Hasil

Strategi Kutipan Cukai

LHDNM telah mula melaksanakan *Medium-Term Revenue Strategy* (MTRS) 2022-2026 sebagai pendekatan komprehensif dalam melaksanakan sistem percukaian yang efektif untuk meningkatkan hasil cukai negara bagi tempoh jangka masa sederhana (*medium-term*). Melalui penyediaan MTRS 2022-2026, LHDNM akan membantu kerajaan mencapai sasaran *Direct Tax-To-GDP Ratio* Malaysia sekurang-kurangnya pada kadar 11.2 peratus dalam lima (5) tahun akan datang iaitu pada tahun 2026. Selain itu, MTRS bertujuan untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, memperluas asas cukai bagi memastikan sumbangan hasil kepada negara serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran cukai bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi. Melihat kepada trend ini, terdapat keperluan untuk mengubah sistem percukaian Malaysia agar bergerak ke arah trend semasa dan perkara ini seiring dengan inisiatif kerajaan bagi memperkasakan ekonomi digital sejajar tuntutan semasa melalui pelaksanaan agenda Transformasi Digital.

Transformasi sistem percukaian digital melalui beberapa inisiatif antaranya pelaksanaan e-Invois, *Hasil Integrated Tax System* (HITS), Nombor Pengenalan Cukai (TIN), Sijil Pematuhan Cukai (e-TCC) dan Program Khas Peremitan Pendapatan (PKPP). Inisiatif ini diyakini akan dapat membantu mewujudkan lebih ramai peniaga yang patuh cukai sekali gus dapat meningkatkan kutipan cukai dari sektor perniagaan.

Tax Corporate Governance Framework (TCGF) diperkenalkan sebagai asas kepada LHDNM dan pembayar cukai untuk membangun dan mengekalkan hubungan kerja yang lebih terbuka dalam memastikan proses pematuhan percukaian adalah adil dan efektif. Ia menetapkan teknik dan proses dalam organisasi untuk mengenal pasti risiko cukai, menilai risiko dan menetapkan tindakan yang sesuai untuk mengurangkan

kesan risiko cukai tersebut. Rangka kerja tadbir urus cukai yang berkesan boleh memupuk tahap keyakinan bahawa organisasi melaporkan dan membayar jumlah cukai yang betul, membolehkan organisasi mencapai kepastian yang lebih besar berhubung dengan hal ehwal cukainya.

Anugerah dan Pengiktirafan

Syukur, segala usaha dan keringat yang telah dicurahkan dalam memikul tanggungjawab sebagai badan berwajib percukaian langsung negara sentiasa mendapat perhatian daripada pelbagai pihak, terutamanya pelanggan utama LHDNM iaitu pembayar cukai. Ini dibuktikan dengan penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima oleh LHDNM sepanjang tahun 2022.

Tahun ini mencatatkan sejarah yang tersendiri apabila LHDNM menerima pengiktirafan Anugerah Gangsa bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) Tahun 2022 anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM). Selain itu, LHDNM telah dinobatkan sebagai penerima *Gold Medal Award* dan *Japan Intellectual Property Association Special Award* bagi sistem e-Filing di *Public Service Innovation Awards 2022* sempena *Malaysia Technology Expo 2022*. Sistem automasi yang dicipta untuk memudahkan pengurusan pelanggan terus mendapat perhatian apabila LHDNM sekali lagi diumumkan sebagai *Best FPX Merchant* bagi sektor kerajaan dalam *Majlis E-Payment Excellence Awards 2022*. Kejayaan terus ditempa apabila salah satu saluran perhubungan pelanggan LHDNM iaitu HASiL Chat diiktiraf sebagai penerima Anugerah Gangsa bagi *Sustainable Development Goals International Innovation Awards 2022* sempena *Malaysia Technology Expo 2022*.

Selain itu, premis pejabat LHDNM turut diiktiraf apabila Ibu Pejabat LHDNM telah menerima Anugerah Perdana Keselamatan Perlindungan

Negara (Kategori Badan Berkanun Persekutuan Terbaik) dan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 bersama dengan Cawangan Melaka sempena Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2022.

Jujukan kejayaan yang diterima dalam tahun 2022 menjadi lebih bermakna kepada LHDNM apabila menerima Sijil Audit Bersih tanpa sebarang teguran bagi Penyata Kewangan LHDNM dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 oleh Jabatan Audit Negara. Lebih manis, rekod ini telah berjaya dikekalkan selama 21 tahun berturut-turut. Pengiktirafan sebegini sememangnya amat berharga kepada seluruh warga kerja LHDNM dan akan menjadi pemangkin dalam membangkitkan iltizam serta tekad untuk menjadi lebih baik di masa akan datang.

Penghargaan dan Harapan

Tahun 2022 telah membuka semula peluang dan meneroka ruang baharu kepada Malaysia. Dalam konteks LHDNM, segala kejayaan dan pencapaian yang dikecapi terutamanya peningkatan dalam kutipan cukai ini bukan sahaja menjadi penyuntik semangat terhadap warga kerja LHDNM, malah diharapkan akan memberi sinar kepada rakyat Malaysia yang menerima manfaat menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kejayaan ini juga tidak akan menjadi kenyataan jika tiada sokongan dan kerjasama diterima daripada pembayar cukai. Justeru, jutaan terima kasih diucapkan atas komitmen semua pembayar cukai yang telah menunaikan tanggungjawab mereka ke arah kelestarian pembangunan negara melalui sumbangan cukai.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan, Pengerusi Anggota Lembaga, Barisan Anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi dan Hasilian atas sokongan serta dukungan yang tidak berbelah bahagi terhadap segala usaha yang dilaksanakan, terutamanya dalam situasi semasa. Ibarat aur dengan tebing, sesungguhnya peranan setiap pihak adalah penting dan berkait antara satu sama lain.

Bertepatan dengan tema LHDNM tahun 2022 iaitu *Leading Change, Driving Excellence*, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memacu perkembangan kemajuan negara agar Malaysia berjaya bangkit dan kembali menyinar di persada dunia.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



PROFIL LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara.

LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperolehi lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kakitangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian.

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDNM), ia diperbadankan pada 1hb Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Agensi ini bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta berikut :

The background of the page is a photograph of a modern, multi-story building with a curved facade and many windows. The word 'HASIL' is visible in large blue letters on the top left of the building. The image is overlaid with a blue gradient and several horizontal teal bars that serve as a backdrop for the text.

HASIL

**Akta Cukai
Pendapatan 1967**

**Akta Petroleum
(Cukai Pendapatan) 1967**

**Akta Cukai Keuntungan
Harta Tanah 1976**

**Akta Penggalakan
Pelaburan 1986**

Akta Setem 1949

**Akta Cukai Aktiviti
Perniagaan Labuan 1990**



FUNGSI LEMBAGA

- 1** Untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga
- 2** Untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut
- 3** Untuk turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian
- 4** Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain
- 5** Boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.



KUASA LEMBAGA

- 1 Membuat Kontrak
- 2 Mempergunakan segala harta Lembaga, alih dan tak alih, dengan cara yang difikirkan suaimanfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut
- 3 Melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan, sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan organisasi lain, atau agensi antarabangsa, bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik
- 4 Memberi nasihat atau bantuan teknikal, termasuk kemudahan latihan kepada pihak-pihak berkuasa percukaian negara-negara lain
- 5 Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga
- 6 Memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga
- 7 Memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga
- 8 Menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi, dan kegiatan yang berfaedah untuk, kebajikan pekerja Lembaga
- 9 Menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainya membiayai latihan tersebut
- 10 Melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya

BUDAYA KORPORAT

VISI

Pentadbir Cukai Terunggul

MISI

Kami sentiasa berusaha untuk :

- i. Memaksimumkan pematuhan sukarela
 - ii. Memberikan perkhidmatan terbaik
 - iii. Mengoptimumkan operasi organisasi
 - iv. Mengekalkan tahap kompetensi tertinggi
-

OBJEKTIF

**Melaksanakan Sistem Percukaian Yang Berkesan, Adil
Dan Saksama**



SLOGAN

Bersama Membangun Negara



DASAR KUALITI

**Berteraskan Integriti, Kami Komited Memberikan
Perkhidmatan Yang Terbaik Untuk Pelanggan**




MOTO PERKHIDMATAN

**Perkhidmatan Terbaik
Untuk Anda**



PIAGAM PELANGGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)



HAK PEMBAYAR CUKAI

Hak Pembayar Cukai adalah sentiasa terpelihara

HAK-HAK PEMBAYAR CUKAI

1. Menerima layanan sewajarnya
2. Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM
3. Melantik wakil yang berkecuali untuk menguruskan fail percukaian
4. Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai

TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

- Bagi membolehkan LHDNM memberikan perkhidmatan yang berkesan, anda bertanggungjawab:
1. Melaporkan pendapatan bercukai yang betul dan tepat
 2. Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan
 3. Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik
 4. Memaklumkan LHDNM dengan segera sebarang perubahan alamat
 5. Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan
 6. Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan LHDNM
 7. Mengemaskini maklumat

DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
DIKEMASKINI PADA 1 JANUARI 2022

PERCUKAIAN

- RANGKA KERJA AUDIT, RANGKA KERJA SIASATAN DAN RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI
- PIAGAM PELANGGAN
- RANGKA KERJA TADBIR URUS CUKAI KORPORAT
- IRBM TAXPAYER ROADMAP
- RANGKA KERJA TADBIR URUS CUKAI KORPORAT
- AUDIT DALAM PEMATUHAN CUKAI



BUKAN PERCUKAIAN

DASAR GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

- Penyataan Polisi AntiRasuah LHDNM
- Dasar Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy)
- Pelan Antirasuah LHDNM (PeARL)
- Jawatankuasa Antirasuah peringkat LHDNM (JAR LHDNM)

DASAR KESELAMATAN LHDNM

- Dasar Keselamatan ICT (DKICT) LHDNM
- Dasar Keselamatan Perlindungan (DKP)

PENGURUSAN RISIKO, AUDIT DAN KAWALAN DALAMAN

- Manual Pengurusan Risiko
- Pelan Pengurusan Rasuah
- Manual & Polisi Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan
- Dasar Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan
- Pelan Pengurusan Risiko Reputasi
- Piagam Audit Dalam

DASAR GOVERNANS PENGURUSAN KEWANGAN, PEROLEHAN DAN PENGURUSAN INSAN

- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK1 - PK 8) berkaitan Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan

NILAI TERAS

Hasil berpegang kepada prinsip-prinsip moral yang ditetapkan oleh organisasi berdasarkan nilai-nilai yang sesuai dengan lunas undang-undang negara, sistem masyarakat setempat dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan untuk mencapai aspirasi organisasi

HASIL



APPY Hasil sentiasa ceria dan seronok

- Budaya *Happy At Work* dapat menaikkan semangat Hasilian dalam meningkatkan produktiviti organisasi
- Menerapkan dan mengamalkan budaya mesra serta saling hormat menghormati ke arah mewujudkan organisasi penyayang dan harmoni
- *Managing People* dengan etika dan tata susila yang baik dan sewajarnya
- Mewujudkan komitmen secara sukarela untuk bersama-sama mencapai matlamat / KPI Korporat yang telah diterapkan



TEAMWORK Bekerja Dalam Satu Pasukan

Kerjasama yang utuh diterapkan dalam diri setiap Hasilian menjadikan setiap perancangan keputusan yang dilaksanakan lebih teratur, menjimatkan masa dan cekap seterusnya menghasilkan produktiviti yang tinggi. Hasilian akan lebih gemilang jika setiap sesuatu perkara dilaksanakan secara berpasukan



PROFESSIONALISM Dengan Profesional

Hasilian mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik dalam setiap urusan pentadbiran percukaian ke arah menjana pendapatan negara. Selain itu, setiap urusan ditadbir dan diuruskan secara profesional dan cekap




INTEGRITY Berteraskan Integriti

Integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawai LHDNM selari dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited

EXCELLENCE Untuk Mencapai Kecemerlangan

Hasilian berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi ke arah pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara

CARTA ORGANISASI



ANGGOTA LEMBAGA

PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA LHDNM



YBHG. DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia



**YBHG. DATO' SRI MOHD SHAFIQ
BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



**YBHG. DATUK DR. MOHD NIZOM BIN
SAIRI**

Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



4

YBHG. DATUK AZIAN BINTI MOHD AZIZ
Penggubal Undang-Undang Parlimen
Bahagian Gubalan
Jabatan Peguam Negara

5

YBHG. DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

6

YBRS. ENCIK MOHAMMAD REEZAL BIN AHMAD
Timbalan Setiausaha Bahagian
(Makroekonomi)
Bahagian Fiskal Dan Ekonomi
Kementerian Kewangan Malaysia

7

YBHG. DATO' SRI (DR.) ZUKRI BIN SAMAT
Konsultan Swasta

8

YBHG. TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR
Konsultan Swasta

9

YBRS. ENCIK PETRUS GIMBAD
Konsultan Swasta

PENGURUSAN ATASAN

1

YBHG. DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2

YBHG. DATUK MOHD JAAFAR BIN EMBONG
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR)

1



2



3

YBHG. DATUK DR. SOTIMIN BIN MUHALIP
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI PERCUKAIAN)

4

YBHG. DATUK ABU TARIQ BIN JAMALUDDIN
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PEMATUHAN)

5

YBRS. PUAN WAN RAMIZA BINTI WAN GHAZALI
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)

3



4




5



PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Strategi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menetapkan program-program utama dalam Program Operasi Percukaian yang menjadi tonggak kepada pencapaian KPI LHDNM dan Pelan Korporat LHDNM 2021 – 2025 demi merealisasikan Visi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang

kepada pembangunan negara. Dalam memastikan pelaksanaan program dengan telus dan berakauntabiliti, maka tadbir urus korporat adalah penting untuk memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa LHDNM merupakan sebuah pentadbir cukai yang mengamalkan governans yang baik dan berintegriti tinggi.



1.0 KEANGGOTAAN LEMBAGA

Anggota Lembaga LHDNM beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM. Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

1.1 KOMPOSISI KEANGGOTAAN

Subseksyen 6(1), Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) menetapkan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota seperti berikut:

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang hendaklah menjadi Pengerusi,
- Ketua Peguam Negara atau wakilnya,
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya,
- Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM,
- Tidak melebihi dua orang wakil kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan, dan

- Tidak melebihi daripada tiga orang wakil swasta yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau perundangan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

Komposisi keanggotaan ini selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik dan memastikan keseimbangan kuasa dalam meningkatkan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk membuat keputusan yang bebas. Anggota Lembaga LHDNM terdiri daripada individu yang mempunyai pencapaian hebat, kemahiran yang pelbagai, kompeten, berpengalaman dan kebolehpercayaan untuk memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

1.2 PERANAN PENERUSI LEMBAGA DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pengerusi Lembaga berperanan dalam mengurus dan memberi kepimpinan kepada Anggota Lembaga untuk memutuskan perkara-perkara yang dibawa ke perhatian Lembaga dan memantau setiap keputusan Lembaga.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

seperti ditetapkan di bawah Seksyen 134(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) iaitu menjaga dan mengurus cukai. Pada masa yang sama di bawah Seksyen 6A (1) Akta 533, Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

1.3 MESYUARAT LEMBAGA - LHDNM

Sepanjang tahun 2022, dua Mesyuarat Lembaga telah diadakan seperti berikut:

MESYUARAT	TARIKH
MBL Bil. 1/2022	14 JUN 2022
MBL Bil. 2/2022	2 NOVEMBER 2022

1.4 JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan berdasarkan peruntukan statutori Seksyen 12 Akta 533 yang mana keahlian setiap jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi Lembaga daripada kalangan barisan Anggota Lembaga. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit Lembaga,
- Jawatankuasa Kewangan,
- Jawatankuasa Pelaburan,
- Jawatankuasa Pengurusan Insan Saraan 1,
- Jawatankuasa Perolehan A dan B,
- Jawatankuasa Tatatertib 1, dan
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib.

merupakan amalan efektif dalam memartabatkan tadbir urus korporat.

Tiga elemen penting yang memastikan tadbir urus cemerlang di LHDNM adalah melalui strategi berikut:



Setiap jawatankuasa tersebut berfungsi untuk bertindak ke atas isu-isu yang kompleks, spesifik dan khusus. Syor dan cadangan tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga, diangkat terus ke Mesyuarat Lembaga untuk membuat keputusan. Pertanggungjawaban secara kolektif ini

2.0 PENGURUSAN INTEGRITI

2.1 INISIATIF INTEGRITI LHDNM

Bagi memperkasakan pengurusan integriti di LHDNM, pelbagai inisiatif telah dilaksana sejak tahun 2005. Antara inisiatif integriti LHDNM adalah seperti berikut :



2.1.1 Keberkesanan Inisiatif Integriti LHDNM

Keberkesanan inisiatif integriti yang telah dilaksanakan dapat diukur melalui prestasi berikut:

- 1 Prestasi kutipan cukai yang tinggi setiap tahun mengikut sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan
- 2 Budaya kerja yang menepati standard ISO9001:2015 dan ISMS ISO/IEC 27001:2013
- 3 Dasar Antirasuah LHDNM menerusi inisiatif Pelan Antirasuah LHDNM dan pemantauan oleh Jawatankuasa Antirasuah LHDNM
- 4 Dasar Pemberian Maklumat LHDNM memantapkan Pengurusan Aduan Integriti Pegawai LHDNM bagi memastikan pegawai yang berkualiti dan berintegriti
- 5 Ketelusan tatacara kerja melalui perkongsian maklumat di Portal Rasmi LHDNM
- 6 Kepelbagaian perkhidmatan elektronik memudahkan dan mempercepatkan urusan pelanggan, menghalang salah laku pegawai serta campur tangan pihak ketiga
- 7 LHDNM berisiko "RENDAH" – Penarafan Risiko Rasuah Agensi, SPRM

2.2 PELAN ANTIRASUAH LHDNM

Pelan Antirasuah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PeARL) adalah satu dokumen utama LHDNM yang menggariskan tindakan bersepadu dalam memerangi rasuah di samping bertindak sebagai satu pelan antirasuah menyeluruh yang merangka strategi untuk mengurus risiko berkaitan rasuah di LHDNM. PeARL telah dilancarkan pada 1 November 2019 sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM tahun

2019. Pelancaran PeARL telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Haji Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pengarah, Pusat Govern Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC). Komposisi utama PeARL adalah Kerangka, Bidang Keutamaan, Strategi dan Objektif yang mengandungi sejumlah 76 inisiatif bagi membanteras gejala rasuah di LHDNM.

KERANGKA PeARL



BIDANG KEUTAMAAN PeARL

Pentadbiran	1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan
Perolehan	2	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan
Penguatkuasaan Undang-undang	3	Menginstitutiskan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang
Tadbir Urus Korporat	4	Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Pentadbiran Percukaian dan Pengurusan

STRATEGI PeARL

OBJEKTIF STRATEGIK PeARL

1 Merekayasa Perkhidmatan LHDNM Ke Arah Tadbir Urus Baik	6 Meningkatkan Kecekapan Dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Di LHDNM
2 Menggalakkan Ketelusan Dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan Dan Pelantikan Ke Mana-Mana Jawatan	7 Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang
3 Menambah Baik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai LHDNM Melalui Program Berdasarkan <i>Human Governance</i>	8 Memperkukuhkan Penguatkuasaan Undang-Undang
4 Memperkukuhkan Kerangka Perolehan LHDNM	9 Memastikan Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM Yang Lebih Cekap Dan Komprehensif
5 Meningkatkan Ketelusan Perolehan LHDNM, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Antipersaingan	10 Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM
	11 Menangani Campur Tangan Pihak Berpengaruh Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM

2.3 RUMUSAN

Pelaksanaan inisiatif PeARL bermula pada 1 Januari 2020 melibatkan jabatan, negeri, cawangan dan cawangan siasatan. Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dipertanggungjawabkan untuk memantau libat urus dari jabatan, negeri, cawangan dan cawangan siasatan.

PeARL dibangunkan menerusi perekeyasaan 4 strategik, 11 objektif strategi dan pelaksanaan 76 inisiatif bagi mentransformasikan LHDNM ke arah organisasi yang berintegriti, bersih, dihormati dan bebas rasuah.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif PeARL dipantau dan dikaji secara berkala. Maklum balas, nasihat dan panduan diberi secara berterusan supaya selari dengan cabaran, perubahan serta keperluan Strategik Korporat LHDNM. PeARL diperkukuhkan oleh prinsip tadbir urus menerusi Jawatankuasa Antirasuah LHDNM bagi membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti sebagai suatu mekanisme untuk mengesan, mengenal pasti dan menilai tahap kecenderungan risiko rasuah di jabatan, negeri, cawangan dan cawangan siasatan.

3.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

LHDNM sebagai sebuah pentadbir cukai terdedah kepada risiko strategik, risiko kewangan, risiko operasi dan risiko pematuan yang boleh menyebabkan objektif organisasi gagal dicapai. Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko memastikan keberkesanan amalan pengurusan risiko melalui pengawasan, pemantauan dan pelaksanaan pengurusan risiko selaras dengan prinsip ISO 31000:2018.


3.1 STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO LHDNM

Pelaksanaan pengurusan risiko korporat di LHDNM mematuhi struktur tadbir urus pengurusan risiko di mana penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dalam aspek Konsultasi dan Komunikasi dengan pemilik risiko dan pemilik proses dalam proses pendaftaran risiko dan mitigasi risiko. Proses pelaporan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk membentangkan risiko utama yang memerlukan tindakan kawalan segera. Laporan kepada Pengurusan Atasan sebagai pemakluman dan penetapan dasar dalam pengurusan risiko manakala laporan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga memberi jaminan bahawa risiko tahap kritikal telah dikenal pasti dan tindakan kawalan risiko dalam tindakan pemilik proses atau pemilik risiko.



3.2 FUNGSI UTAMA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko dilaksanakan secara berterusan melalui pemantauan, kawalan risiko dan tindakan pemulihan risiko. Pengurusan risiko LHDNM berada dalam tindakan kawalan yang teratur dan pelaksanaan pengurusan risiko adalah selaras dengan prinsip ISO 31000:2018. Pengurusan risiko di LHDNM dilaksanakan melalui tiga fungsi utama seperti berikut:



3.3 PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

Membantu organisasi menguruskan risiko yang berkaitan dengan kawalan/ ketidaktentuan dan risiko peluang/ prestasi yang wujud dalam aktiviti utama LHDNM.

AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN RISIKO KORPORAT



3.2.2 Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan

Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan/*Business Continuity Management* (BCM) membantu LHDNM menguruskan secara holistik berkaitan risiko dalam fungsi kritikal LHDNM dan impak ancaman risiko untuk memastikan perkhidmatan organisasi dapat diteruskan walaupun berlaku gangguan, bencana atau pandemik.

01

PENGURUSAN PROJEK BCM

- Kajian dan semakan semula dijalankan ke atas Polisi BCM, Manual BCM, Pelan Tindakan Kecemasan, Pelan Komunikasi Krisis, Pelan Pemulihan Bencana IT dan lain-lain adalah dikemas kini selaras dengan keperluan surat arahan MAMPU 2010, ISO22301:2019 BCMS dan amalan terbaik antarabangsa, dan
- Projek Pensijilan ISO22301:2019 BCMS LHDNM.

02

ANALISIS IMPAK PERKHIDMATAN (BIA) DAN PENILAIAN RISIKO (RA)

- Kajian BIA ke atas Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan bagi fungsi kritikal perkhidmatan, dan
- Kenal pasti impak ancaman ke atas perkhidmatan, premis, kakitangan dan sistem. Membuat penganalisan dan pengelasan risiko utama dan kenal pasti kawalan risiko.

03

PROGRAM BCM

- Pemerkasaan kompetensi RCO tentang BCM,
- Kesedaran BCM melalui poster/artikel infografik dan kuiz digital secara dalam talian, dan
- Latihan dan bengkel BCM kepada Jabatan/Cawangan.

04

SIMULASI BCM

- Pemantauan pengujian pelan untuk mengukur keupayaan mencapai *Recovery Time Objective* (RTO) yang ditetapkan :
 - » Pelan Pemulihan Bencana ICT atau *Disaster Recovery ICT* (DR ICT),
 - » Pelan Pemulihan Bencana Hasil *Care Line* (DR HCL), dan
 - » Pelan Pemulihan Bencana *Document Management System* (DR DMS); dan
- Memantau Latihan Pelan Tindakan Kecemasan/Kebakaran organisasi.

05

STRATEGI DAN PELAN BCM

- Memastikan sistem dan perkhidmatan kritikal semasa bencana dapat dipulihkan dan diteruskan dengan efisien,
- Membangunkan pelan berkaitan BCM sebagai panduan dalam pemulihan bencana/krisis, dan
- Program kerjasama dengan agensi luar seperti MetMalaysia, CyberSecurity Malaysia, MKN, NADMA dan lain-lain.

06

PELAPORAN BCM

- Pemantauan insiden serta memberi panduan berkaitan kesinambungan perkhidmatan dan pemulihan semasa kejadian, dan
- Pelaporan dan pemakluman BCM kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

3.2.3 Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan

Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) dilaksanakan selaras dengan pemantauan dan pengurusan risiko di LHDNM. Pelaksanaan aktiviti OSHE adalah seperti berikut:

AKTIVITI PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN

Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi memupuk kesedaran ke atas kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Meningkatkan kefahaman dan memberi latihan yang berterusan kepada pegawai-pegawai tentang KKP. Peserta bengkel dihadiri oleh Admin Care Officer (ACO)/Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan.

Pelaksanaan *Occupational Safety and Health Workplace Assessment (OSHWA)* bagi mengukur penanda aras tahap pematuhan terhadap pengurusan KKP bagi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.


Pemeriksaan lawatan dan taklimat ke Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan / Pusat Khidmat Hasil untuk memberi kesedaran dan menyampaikan kepentingan aspek KKP bagi memastikan pegawai sentiasa menitikberatkan aspek KKP.

Pelaporan aspek KKP :

- Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan LHDNM,
- Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Pekerjaan, Menara HASiL Cyberjaya, dan
- Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kempen Penjimatan Tenaga, Menara HASiL Cyberjaya.

3.4 RUMUSAN

Objektif pengurusan risiko di LHDNM adalah:



Sebagai sebuah agensi yang diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus hasil cukai negara, peranan dan fungsi pengurusan risiko di LHDNM adalah penting. LHDNM perlu sentiasa bersiap siaga dalam mengurus risiko kerana LHDNM juga merupakan saluran kewangan utama kerajaan dan negara. Pengurusan

risiko yang cekap perlu sentiasa berterusan bagi LHDNM kerana segala urusan tadbir negara dan program bantuan kerajaan kepada rakyat amat bergantung dengan hasil kutipan dari LHDNM di mana pengurusan percukaian yang cekap dapat mengurangkan bebanan pembayar cukai.

4.0 KAWALAN DALAMAN

LHDNM bertanggung jawab secara keseluruhannya untuk memastikan pengurusan kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan dalam mengurus risiko yang wujud dan seterusnya memacu kecemerlangan tadbir urus korporat LHDNM. Ini bertepatan dengan visi LHDNM untuk terus relevan menjadi Pentadbir Cukai Terunggul.

4.1 RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja kawalan dalaman LHDNM yang utama adalah berdasarkan *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission*

(COSO) iaitu penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Lima (5) komponen utama COSO yang diadaptasikan di LHDNM adalah:-



Kawalan dalaman adalah polisi dan prosedur yang diwujudkan untuk mengurus lima (5) perkara utama seperti berikut:-

Pencapaian objektif strategik LHDNM
Kebolehsandaran dan integriti maklumat kewangan dan operasi
Keberkesanan dan kecekapan operasi serta program
Perlindungan aset LHDNM
Pematuhan kepada undang-undang, akta, polisi, prosedur dan kontrak LHDNM

Tiga (3) jenis kaedah kawalan dalaman yang utama adalah: Pengesanan (*Detective*), Pencegahan (*Preventive*) dan Pembetulan (*Corrective*).

Barisan Pertahanan (*Lines of Defense*) dalam pengurusan kawalan dalaman yang berkesan dalam melaksanakan operasi harian LHDNM adalah seperti berikut:



Kelima-lima barisan pertahanan ini perlu berfungsi dengan sempurna dan saling melengkapi dalam memastikan keberkesanan kawalan dalaman LHDNM.

4.2 JAMINAN MENGENAI KAWALAN DALAMAN

Sistem kawalan dalaman diwujudkan untuk mengurus risiko dan bukannya untuk menghapus semua risiko. Justeru, sistem kawalan dalaman hanya dapat memberi jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukannya secara mutlak.

Keberkesanan *Rings of Governance* LHDNM adalah suatu proses berintegrasi dan berterusan serta dikawal selia oleh:

- Lembaga Pengarah LHDNM
- Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL)
- Jabatan Audit Negara Malaysia/Juruaudit Luar
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Jabatan Audit Dalam LHDNM dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko LHDNM

Jabatan Audit Dalam (JAD) menjalankan fungsi menilai semua polisi dan peraturan serta kawalan yang diwujudkan oleh pihak pengurusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan diuruskan dengan sempurna dan berkesan pada kos yang munasabah. Tugas dan tanggung jawab JAD dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) memberi laporan secara bebas kepada JKAL di dalam memberi jaminan bahawa pengurusan kawalan dalaman LHDNM adalah berkesan dan mencukupi. Laporan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL) ke atas kawalan dalaman LHDNM telah dinyatakan dengan jelas di dalam Terma Rujukan JKAL seperti berikut:-

1 Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi

2 Mempertimbangkan keberkesanan sistem kawalan dalaman LHDNM, termasuk keselamatan teknologi maklumat dan kawalan

3 Mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman untuk menjamin kecekapan operasi LHDNM

JKAL juga membantu Lembaga menilai keberkesanan kawalan dalaman melalui :



5.0 KESIMPULAN TADBIR URUS KORPORAT

Fungsi Pengurusan Integriti, Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang berkesan melalui tindakan yang bertanggungjawab, telus, berakuntabiliti dan berhemat telah memastikan tadbir urus yang cemerlang di LHDNM. Keberkesanan tadbir urus tersebut meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap kecekapan LHDNM dalam melaksanakan dasar yang telah dimandatkan oleh kerajaan. LHDNM sentiasa berusaha gigih untuk mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan seterusnya menjadi agensi kerajaan yang utama dalam kutipan hasil untuk negara.



HASIL

PENCAPAIAN LHDNM 2022

PRESTASI KUTIPAN CUKAI 2022

1. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERBANDING HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

PETUNJUK	2022	2021	2020
Kutipan Kasar (RM Bilion)	175.47	144.11	123.10
Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC)	12.00	12.00	10.60
Hasil Persekutuan (RM Bilion)	*294.36	*233.75	*225.08
Peratusan Kutipan Kasar Atas Hasil Persekutuan (%)	59.61	61.65	54.69

* Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2022

2. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERSIH BERBANDING UNJURAN DISEMAK KERAJAAN

PETUNJUK	2022	2021	2020
Kutipan Bersih (RM Bilion)	163.47	132.11	112.50
Unjuran Disemak Kerajaan (RM Bilion)	*127.33	*120.05	*115.11
Peratusan Kutipan Bersih Atas Unjuran Disemak (%)	128.37	110.05	97.74


* Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2022

3. PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG MENGIKUT KOMPONEN

KOMPONEN / (RM Juta)	2022	2021	2020
Syarikat	97,943.45	86,989.03	56,165.45
Petroleum	23,420.73	11,569.86	12,771.54
Individu	39,259.71	33,890.72	43,453.12
Koperasi	163.02	141.76	58.65
Duti Setem	8,078.71	6,339.86	5,505.76
Cukai Pegangan	3,684.16	3,035.47	2,992.93
CKHT	2,128.73	1,803.17	1,687.48
Aktiviti Perniagaan Labuan	736.12	289.24	421.49
Lain - lain*	50.23	50.23	47.48
JUMLAH	175,464.87	144,109.36	123,103.91

* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

Kutipan Cukai Langsung Kasar Mengikut Komponen bagi Tahun 2022 (RM Juta)



**LAIN-LAIN
JUMLAH**
RM 3,078.32 Juta

 Cukai Keuntungan Harta Tanah RM2,128.73 Juta	 Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan RM735.98 Juta	 Koperasi RM163.02 Juta
 Cukai Pendapatan yang lain - Cukai Seksyen 124 RM47.55 Juta	 Faedah Bank RM0.74 Juta	 Hasil Guaman & Bayaran Perkhidmatan Seksyen 1388 RM0.41 Juta
 Bayaran Mahkamah RM0.00 Juta	 Cukai Langsung yang lain - Ganti Rugi Perkhidmatan RM0.00 Juta	 Cukai Langsung yang lain - lain-lain RM0.00 Juta
 Duti Harta Pusaka RM0.12 Juta	 Pendaftaran Perniagaan RM0.68 Juta	 Denda & Pampasan RM1.09 Juta

4. PRESTASI PENGURUSAN TUNGGAKAN HASIL

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 695,041 kes yang mempunyai tunggakan cukai telah diambil tindakan oleh Unit Pungutan Cawangan LHDNM. Pencapaian ini adalah meliputi 94.98% daripada baki kes tahunan yang mempunyai tunggakan dan perlu diambil tindakan dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM43.694 bilion. Antara tindakan yang dilakukan adalah rundungan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan rekoveri seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di Mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrutan, penggulangan syarikat dan hapus kira cukai.

5. PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

JENIS BAYARAN	2022		2021		2020	
	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)
*Selain Syarikat	2,233,080	5,332	2,245,293	4,960	2,190,370	4,562
Syarikat	77,215	9,132	57,670	7,456	103,890	8,020

* Selain Syarikat termasuk Bayaran Balik Duti Setem

6. PUNGUTAN MELALUI PCB* BERBANDING PUNGUTAN HASIL KESELURUHAN

PETUNJUK	2022	2021	2020
Pungutan Melalui PCB (RM Juta)	29,011.83	24,056.16	23,526.51
Pungutan Hasil (RM Juta)	175,464.87	144,109.36	123,103.92
Peratus Sumbangan (%)	16.53	16.69	19.11

*PCB : Potongan Cukai Bulanan

7. PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN

PETUNJUK / (RM Juta)	2022	2021	2020
Kaunter Bayaran LHDNM			
Jumlah	0	2,534.30	3,135.71
Ejen Kutipan LHDNM			
CIMB Bank Berhad	0	0	0
Public Bank Berhad	3.01	26.59	34.28
Pos Malaysia	0.10	0.12	0.37
e-PCB, e-Data PCB & eCP39	2,272.58	2,601.05	3,635.39
Jumlah	2,275.69	2,627.76	3,670.04
Perbankan Internet	23,525.47	19,401.62	18,325.70
Jumlah Besar	25,801.16	24,563.68	25,131.45

* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

8. PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN

TAHUN (RM Juta)	Seksyen 107A	Seksyen 109 / 109B	Seksyen 109C	Seksyen 109D	Seksyen 109E	Seksyen 109F	Bayaran Royalti Cukai Pegangan	Bayaran Faedah
2022	140.38	2,809.29	0.00	60.31	0.00	1.06	18.29	0.78
2021	99.54	2,880.65	0.00	38.14	0.00	1.16	14.74	1.26
2020	160.69	2,776.78	0.02	37.25	0.00	1.64	14.75	1.51

9. TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

TEMPOH	Seksyen 104		Seksyen 22	
	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)
Pendaftaran				
Kes Daftar sehingga 31.12.2021	149,837	7,615.82	10,387	259.66
Kes Daftar sehingga 31.12.2022	57,220	1,283.66	2,773	52.35
Jumlah	207,057	8,899.49	13,160	312.02
Pembatalan				
Kes Batal sehingga 31.12.2021	21,983	924.10	1,527	44.57
Kes Batal sehingga 31.12.2022	12,963	218.70	622	13.57
Jumlah	34,946	1,142.80	2,149	58.14
Jumlah Kes Masih Berkuat Kuasa sehingga 31.12.2022	172,111	7,756.69	11,011	253.87

10. KEMUDAHAN PEMBAYARAN CUKAI

TAHUN / (RM Juta)	Kaunter Bayaran* dan Melalui Mel	Kaunter Bank	Perbankan Internet	Lain-lain**	Jumlah
2022	13,514.16	26,237.59	135,713.12	-	175,464.87
2021	15,545.36	28,460.33	100,103.66	-	144,109.35
2020	27,870.39	20,951.99	74,281.53	-	123,103.91

* Kaunter bayaran di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

** Meliputi duti setem, duti harta pesaka, IOFC, pendaftaran perniagaan dan lain-lain.

11. PERBANKAN INTERNET

TAHUN	2022	2021	2020
Bilangan Pembayar Cukai	18,284,014	12,342,847	7,045,632
Amaun Dipungut (RM Juta)	135,713.12	100,103.66	74,281.53

12. ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

TAHUN	Anggaran CP204		Ansuran CP500	
	Penerimaan Borang	Anggaran Cukai (RM Juta)	Pengeluaran Borang	Ansuran Cukai (RM Juta)
2022	234,313	75,955.09	356,338	1,910.67
2021	222,392	68,996.78	407,206	4,248.14
2020	219,906	52,796.81	394,715	4,254.82

* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat. Data diperolehi mengikut larian pada bulan Januari.

** Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

MAKLUMAT PEMBAYAR CUKAI TAHUN 2022


1. FAIL BERDAFTAR, FAIL AKTIF DAN PEMBAYAR CUKAI AKTIF

	Jenis Fail	Fail Berdaftar	Fail Aktif	Pembayar Cukai Aktif
SG	Individu Penggajian	13,520,661	7,301,421	4,509,540
OG	Individu Perniagaan dan Lain-lain	3,997,949	2,004,178	1,023,368
C	Syarikat	1,420,657	1,080,041	491,228
CS	Koperasi	4,463	3,671	1,001
D	Perkongsian	549,175	296,339	135,090
TP	Harta Pusaka	102,514	65,940	21,314
F	Pertubuhan	19,800	15,578	8,540
J	Keluarga Sekutu Hindu	464	174	31
TC	Amanah Unit/Harta Tanah	2,577	2,104	1,161
TA	Badan Amanah	17,539	15,263	1,342
TR	Amanah Pelaburan Harta Tanah/Tabung Amanah Harta	37	33	20
FA	Seniman Kembara	34,046	25,017	4,155
E	Majikan	1,370,553	1,079,369	588,440
PT	Perkongsian Liabiliti Terhad	15,205	14,051	8,820
LE	Labuan Entiti	13,300	10,987	6,284
JUMLAH		21,068,940	11,914,166	6,800,334

2. STATISTIK PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU BERDASARKAN JANTINA BAGI TAHUN TAKSIRAN 2022

Jantina	Bilangan	Pecahan
Lelaki	2,469,523	58.28%
Perempuan	1,768,069	41.72%
JUMLAH	4,237,592	100%

TERAS STRATEGIK LHDNM



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan agensi kerajaan yang memikul amanah dan tanggungjawab yang besar sebagai penyumbang utama kepada hasil kerajaan. Kutipan cukai pendapatan menyumbang lebih daripada 51% pada setiap tahun dan ini turut mendorong kepada kedudukan kewangan yang kukuh, seterusnya dilihat dapat memudahkan kerajaan dalam merancang serta melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara.

Pelan Korporat LHDNM 2021 – 2025 merupakan satu pernyataan komitmen Pengurusan Tertinggi LHDNM yang disediakan mengikut kerangka LHDNM setelah mengambil kira dasar dan polisi kerajaan bagi merealisasikan visi LHDNM sebagai Pentadbir Cukai Terunggul. Ia menggariskan **empat (4) Teras Strategik** yang dibentuk daripada gabungan :

A. Operasi Percukaian

Teras 1 : Pematuhan Cukai Secara Sukarela

Teras 2 : Penyampaian Perkhidmatan
Berorientasi Pelanggan

B. Pentadbiran Organisasi

Teras 3 : Sistem dan Proses Kerja yang Efektif dan Efisien

Teras 4 : Pengurusan Organisasi Dinamik dan Berprestasi Tinggi

Penetapan sebegini adalah penting agar dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan LHDNM bagi memenuhi ekspektasi pemegang taruh (*stakeholders*) dan seluruh rakyat Malaysia.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam kutipan cukai negara, LHDNM sentiasa mendokong segala hasrat dan harapan kerajaan dalam usaha untuk memenuhi ekspektasi rakyat sebagai pelanggan utama. Pelbagai inisiatif dan kaedah yang dirasakan terbaik telah diambil serta dilaksanakan dalam menterjemahkan komitmen kerajaan yang tidak berbelah bahagi terhadap misi membangunkan negara selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.

Sehubungan itu, LHDNM perlu sentiasa berfikir ke hadapan dan menjangkakan segala kemungkinan dalam memastikan segala yang dirancang dapat dilaksanakan. Kepatuhan terhadap undang-undang percukaian oleh pembayar cukai yang layak merupakan salah satu elemen yang dititikberatkan dalam menjana pendapatan negara secara telus

dan adil kepada semua. Walau bagaimanapun, pendekatan yang rasional dan relevan juga perlu diberi perhatian. Selain memastikan pembayar cukai memahami tanggungjawab dan amanah terhadap negara, LHDNM turut menyediakan sistem sokongan yang bersesuaian bagi memudahkan mereka melunaskan tanggungjawab serta urusan percukaian tersebut.

Menerusi teras strategik pertama iaitu Pematuhan Cukai Secara Sukarela, sebanyak empat (4) Objektif Strategik diberi tumpuan iaitu :

- i. Tahap Kesedaran Pematuhan Sukarela Yang Tinggi,
- ii. Penjana Hasil Negara Di Tahap Optimum,
- iii. Pentadbiran Perundangan Percukaian Berteraskan Prinsip Kedaulatan Undang-Undang, dan
- iv. Perluasan Jaringan Percukaian.

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : TAHAP KESEDARAN PEMATUHAN SUKARELA YANG TINGGI

1.1 Pembangunan Bahan / Intervensi Pendidikan Dan Kesedaran Cukai Melalui Aplikasi Media Sosial

Saban tahun, inisiatif-inisiatif terbaru LHDNM akan dihebahkan kepada masyarakat melalui pelbagai cabang perhubungan dalam memastikan segala maklumat percukaian yang disampaikan akan memenuhi ekspektasi pembayar cukai di samping memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada semua pelanggan. Mulai tahun 2022, LHDNM telah memperkasakan kaedah penyampaian perkhidmatan selaras dengan penekanan konsep *Awareness, Education* dan *Service* (A.E.S) yang diterapkan dalam semua saluran perhubungan LHDNM. Jabatan Khidmat Korporat (JKK) yang bertindak sebagai pemilik proses bertanggungjawab dalam

melaksana, menyelaraskan dan memantau semua program yang dirancang di bawah objektif ini.

1.1.1 Program dan Aktiviti Kesedaran Cukai

Kapsul **#eduzoneHASiL** merupakan program LHDNM yang berperanan dalam memberikan informasi kesedaran cukai secara santai di platform media sosial rasmi LHDNM. Pilihan tajuk adalah menjurus kepada persoalan yang sering diajukan oleh pembayar cukai, terutamanya dalam musim pelaporan cukai pendapatan. Selain itu, platform ini juga menyediakan sedutan ringkas dan klip rakaman daripada taklimat serta seminar percukaian, termasuklah program usahasama LHDNM dengan agensi luar.


Program Pengiklanan Korporat turut dilaksanakan di pelbagai saluran media arus perdana dan alternatif bagi menyebarkan hebahan berkaitan percukaian kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada pelbagai kategori pembayar cukai. Antara kaedah pemasaran semasa yang mendapat perhatian masyarakat adalah pengiklanan

digital yang dipasarkan melalui pelbagai saluran, termasuk di tempat-tempat awam.


Bagi tahun 2022, pelbagai inisiatif diambil dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran cukai melalui aktiviti promosi percukaian di media sosial dan media massa melalui maklumat yang lebih mudah serta ringkas seperti dalam Jadual 1:

Aktiviti Kesedaran Cukai LHDNM Bagi Tahun 2022

KAPSUL #EDUZONEHASIL



PROGRAM PENGIKLAMAN KORPORAT



PENERBITAN HASIL



1.1.2 Program dan Aktiviti Pendidikan Cukai

Pendekatan kedua yang diterapkan oleh LHDNM dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan kualiti penyampaian perkhidmatan adalah melalui aktiviti pendidikan cukai. Seiring dengan penggunaan pendigitalan yang progresif, terutamanya selepas dunia dihimpit dengan kemelut pandemik Covid-19, penganjuran seminar serta taklimat percukaian kepada

pegawai LHDNM dan orang awam juga disediakan melalui platform maya, contohnya Webinar. Inisiatif sebegini dilihat dapat mencakupi segala keperluan pembayar cukai terhadap pelbagai aspek percukaian selain daripada memberikan kemudahan kepada pengguna termasuk pegawai LHDNM sendiri.

Jadual 1 : Aktiviti Pendidikan Cukai LHDNM Bagi Tahun 2022

AKTIVITI PENDIDIKAN CUKAI	BIL. PELAKSANAAN
KAPSUL #EDUZONEHASIL	
Bahan Pendidikan Cukai	8 jenis bahan
PROGRAM PENDIDIKAN CUKAI	
Program Pendidikan Cukai Secara Kolaborasi Bersama Dengan Agensi	9 program
Program Kunjungan Bersama Dengan Institut Pengajian Tinggi / Agensi Luar (Bersemuka / Maya)	24 kunjungan
HASiL <i>Your Tax Buddy</i> (HYTB)	14 program
Seminar dan Forum	13 seminar
Cenderamata HASiL	6 Jenis

Pembangunan Bahan / Intervensi Pendidikan Dan Kesedaran Cukai Melalui Aplikasi Media Sosial

- i. Portal Rasmi LHDNM
: www.hasil.gov.my > Eduzone



- ii. Media Sosial Rasmi LHDNM



<https://www.facebook.com/LHDNM/>



<https://www.instagram.com/lhdnm/>



<https://twitter.com/lhdnmofficial>



<https://youtube.com/user/LhdnTube>

Program-Program Kesedaran dan Pendidikan Cukai :

i. Penulisan Artikel Percukaian



iii. Kempen Percukaian



iv. Penerbitan Percukaian



ii. Program Temu Bual Radio/ TV/ Media Digital



v. Program Kolaborasi Bersama Dengan Agensi



1.2 Menyediakan Mekanisme Mencegah Ketidakpatuhan

Di bawah skop ini, LHDNM melalui Jabatan Pematuhan Cukai turut melaksanakan program-program bersama pembayar cukai dalam menggalakkan budaya pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat. Antaranya adalah :

- Kolaborasi bersama beberapa agensi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Persekutuan Majikan- Majikan Malaysia (MEF), *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM), *Chartered Tax Institute of Malaysia* (CTIM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan

- Kerjasama strategik dengan enam (6) agensi luar / pihak ketiga bagi mendapatkan data peniaga e-dagang telah dibuat sepanjang tahun 2022.

Selain itu, LHDNM melalui jabatan dan cawangan khas turut mengadakan sesi libat urus dengan beberapa agensi secara bersemuka mahupun maya bagi membolehkan perbincangan dan persefahaman dapat dicapai. Ini adalah langkah yang dilihat berkesan dalam mendapatkan kesepakatan antara LHDNM dengan agensi awam dan swasta melibatkan aspek percukaian, termasuklah pengamal percukaian serta pengamal industri.

Bilangan sesi libat urus yang telah dijalankan oleh LHDNM adalah seperti berikut :

Jadual 2 : Bilangan Sesi Libat Urus LHDNM Mengikut Jabatan Bagi Tahun 2022

BIL.	JABATAN / CAWANGAN KHAS	JUMLAH SESI
1.	Cawangan Cukai Multinasional	10
2.	Cawangan Industri Khas	9
3.	Jabatan Operasi Cukai	6
4.	Jabatan Penyelidikan Percukaian	6
5.	Jabatan Perisikan dan Profiling	3
6.	Jabatan Resolusi Pertikaian	1
7.	Jabatan Siasatan	6
8.	Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif	12

Sesi Libat Urus Oleh Jabatan / Cawangan Khas :

- i. LHDNM Bersama Dengan SME Malaysia



- ii. LHDNM Bersama Dengan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia



- iii. LHDNM Bersama Dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)



2.1 Memperkasakan Mekanisme Kutipan Hasil

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 695,041 kes yang mempunyai tunggakan cukai telah diambil tindakan oleh Unit Pungutan Cawangan LHDNM. Pencapaian ini adalah meliputi 94.98% dari baki kes tahunan yang mempunyai tunggakan dan perlu diambil tindakan dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM43,694 bilion. Antara tindakan yang dilakukan adalah

rundingan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan rekoveri seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di Mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrutan, penggugungan syarikat dan hapus kira cukai.

2.2 Memperkasakan Mekanisme Pematuhan Cukai

Bagi memperkasakan mekanisme pematuhan, LHDNM melalui Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) bertanggungjawab dalam memastikan tindakan pematuhan cukai diambil terhadap kes syarikat yang gagal mengembalikan Borang Nyata dalam tempoh. Bagi tahun 2022, jumlah tindakan audit diambil ke atas kes syarikat yang gagal mengembalikan Borang Nyata ialah sebanyak 50,026 kes. manakala tindakan mengeluarkan Notis Terakhir (FN) bagi kes syarikat gagal mengembalikan Borang Nyata bagi tujuan pendakwaan ialah sebanyak 120,860 kes. Jumlah tindakan ini menunjukkan bahawa 25.5% tindakan pematuhan telah diambil ke atas keseluruhan kes syarikat yang dikategorikan sebagai Pembayar Cukai Tidak Aktif (PCTA).

Dalam pada itu, sebanyak enam (6) kerjasama bersama agensi luar / pihak ketiga bagi mendapatkan data peniaga e-dagang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Jalinan kerjasama dengan jabatan pemilik proses lain bagi melakukan libat urus dengan agensi luar atau pihak swasta dilihat bersesuaian dalam usaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan e-Dagang, seterusnya mencegah dan membanteras penipuan serta pengelakan cukai.

Beberapa program telah diadakan bagi Tahun 2022 bagi memantapkan platform membendung ketirisan cukai, sekali gus membantu pegawai mempertingkatkan pengetahuan dan mempercepatkan proses pengendalian dan penyelesaian audit secara efisien, efektif dan berkualiti seperti berikut:

- a) Pelaksanaan pemantauan dan penyelarasan melalui Program Pemantapan Aktiviti Audit & Peningkatan Kemahiran Pegawai Audit;
- b) Pelaksanaan lawatan Program Pemantauan Prosedur Audit Majikan
- c) Taklimat dan Latihan Audit Tools;
- d) Program Libat Urus bersama Cawangan; dan
- e) Sesi *Knowledge Sharing*: Anda Bantu JPC Bantu yang telah diadakan sebanyak lima (5) sesi.

Selain itu, objektif strategik ini juga menetapkan pelaksanaan segmentasi pembayar cukai mengikut tingkah laku pembayar cukai (*taxpayer behaviour*) dan trend pematuhan sebagai salah satu pelan tindakan yang perlu diambil perhatian. Bagi memenuhi keperluan tersebut, Jabatan Operasi Cukai (JOC) sebagai pemilik proses telah melaksanakan tujuh (7) kajian segmentasi yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Jadual 3 : Kajian Segmentasi Pembayar Cukai Bagi Tahun 2022

BIL.	JABATAN / CAWANGAN KHAS
1.	Kajian Terhadap Pematuhan Cukai oleh Penerima Perolehan Kerajaan
2.	Kajian Ke Atas Cukai Dilaporkan dan Baki Cukai Kategori Pembayar Cukai Yang Menjalankan Perniagaan
3.	Kajian Taksiran Secara Automatik CP500
4.	Kajian Berkaitan dengan Pemilikan Aset, Saham dan Sekuriti bagi tahun taksiran 2016-2021
5.	Pengecualian Pengemukaan BNCP bagi Pendapatan SG
6.	Pemantauan dan Semakan Semula Projek Taksiran Secara Automatik ke atas Pembayar Cukai individu berdasarkan kepada maklumat CP8D.
7.	Penyaluran Data Kajian Perbezaan Data Perkongsian Yang Dilaporkan Oleh Pembayar Cukai Perkongsian Berbanding Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) B Dan P Tahun Taksiran 2021

OBJEKTIF STRATEGIK 3 : PENTADBIRAN PERUNDANGAN PERCUKAIAN BERTERASKAN PRINSIP KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

Memperkasakan Perundangan Percukaian

Jabatan Dasar Percukaian (JDP) merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam memastikan undang-undang percukaian, arahan atau perkeliling yang dikeluarkan oleh LHDNM adalah jelas dan boleh difahami oleh orang awam. JDP juga sentiasa berusaha memperjelaskan undang-undang percukaian atau duti dan memastikan supaya ada keseragaman dalam layanan cukai berkaitan akta yang ditadbir oleh LHDNM seperti berikut:

1. Akta Cukai Pendapatan 1967;
2. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT);
3. Akta Setem 1949 (AS);
4. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP);
5. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (LBATA);
6. Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP);
7. Enakmen Duti Harta Pesaka 1941; dan
8. Perundangan subsidiari yang berkaitan akta-akta di atas.

JDP juga bertanggungjawab dalam memastikan draf Garis Panduan Teknikal / Pekeliling Teknikal, Nota Amalan, Edaran Teknikal dan Memo dikeluarkan dalam tempoh 90 hari bekerja daripada keputusan dan arahan dasar diterima. Bagi tahun 2022, berikut merupakan statistik penerbitan yang telah dikeluarkan oleh JDP :

1. 12 Ketetapan Umum (dwibahasa)
2. 4 Konsultansi Awam
3. 11 Garis Panduan
4. 2 Nota Amalan
5. 4 Pekeliling Teknikal
6. 321 Edaran Teknikal
7. 15 e-Handbook
8. 3 e-Teknikal (FAQ).

Selain itu, sebanyak 40 Perundangan Subsidiari (dwibahasa) telah diwartakan dan dimuat naik ke Hasilpedia iaitu saluran rujukan dalaman pegawai LHDNM yang mana ini merupakan maklum balas terhadap semakan draf Perintah dan Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan.

Bagi membendung ketirisan cukai dalam peruntukan undang-undang percukaian sedia ada, JDP turut berusaha mengenal pasti kelompongan dalam peruntukan undang-undang percukaian sedia ada melalui penyediaan kertas konsep, kertas kajian, laporan atau menghadiri kursus, bengkel, taklimat, perbincangan dan mesyuarat dengan pihak berkaitan. Pada masa yang sama, JDP berusaha untuk memantapkan mekanisme kelulusan dan pemantauan bagi perkara berikut:

Jadual 4 : Aktiviti Pemantauan Atas Kelulusan Pengecualian Cukai Bagi Tahun 2022

BIL.	AKTIVITI PEMANTAUAN	PENCAPAIAN
1.	Seksyen 34A ACP 1967 » Menyelesaikan 150 kelulusan permohonan projek setahun di bawah seksyen 34A ACP » Menjalankan semakan/lawatan audit sebanyak 8 tahun taksiran setahun di bawah Seksyen 34A ACP.	» 216 permohonan projek telah diselesaikan. » Semakan/lawatan audit telah dijalankan ke atas 14 tahun taksiran dan selesai.
2.	Seksyen 34(7) ACP 1967 Menjalankan semakan/lawatan audit sebanyak 2 tahun taksiran setahun di bawah Seksyen 34A ACP.	Semakan audit telah dijalankan ke atas 3 kes dan selesai.
3.	Subseksyen 44(6) ACP 1967 » Memproses 70% permohonan yang lengkap diterima daripada organisasi khairat untuk mendapatkan kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP » Menjalankan semakan/lawatan audit sebanyak 30 kes setahun keatas organisasi/ institusi yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP » Menjalankan 70% tindakan / semakan audit pematuhan syarat kelulusan berkaitan Subseksyen 44(6)/ 44(6B) di bawah Subseksyen 44(6) ACP/44(6B) ACP 1967	» 94% permohonan telah diproses. » Semakan dan lawatan audit telah dijalankan ke atas 75 kes. » Menjalankan 81% tindakan pengesanan bagi kes tiada akaun beraudit. » Susulan daripada pengesanan bagi kes tiada akaun beraudit, sebanyak 19 kelulusan telah dipendekkan atau ditarik balik.
4.	Menyelesaikan 70% permohonan kelulusan setahun di bawah Seksyen 150 ACP	100% permohonan telah diproses.
5.	Memberi 70% maklum balas terhadap kelulusan di bawah Perenggan 17 Jadual 2 ACKHT 1976 dalam tempoh 60 hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap terima.	100% permohonan telah diproses.
6.	Memberi 70% maklum balas terhadap kelulusan di bawah Seksyen 9 untuk mengkompau diti bagi suratcara yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Setem 1949 dan pengesahan suratcara yang layak disetem menurut Seksyen 8 Akta Setem 1949 dalam tempoh 60 hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap terima.	100% permohonan telah diproses.
7.	Menjalankan aktiviti taksiran dan pungutan Duti Harta Pesaka dalam tempoh 30 hari bekerja daripada maklumat lengkap diterima.	100% taksiran dan pungutan diselesaikan dalam tempoh. Sejumlah RM119,078.92 hasil diti harta pesaka dikutip dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara.

4.1 Meningkatkan Asas Pembayar Cukai Baharu Dan Tumpuan Kes-Kes Berpotensi

Seperti yang dinyatakan dalam Pelan Korporat LHDNM 2021 – 2025, strategi ini telah menggariskan indikator strategi yang spesifik iaitu memberi penekanan terhadap peratus peningkatan pembayar cukai baharu dan peningkatan kes-kes berpotensi. Seiring dengan kaedah pendigitalan dan e-perkhidmatan yang pesat dibangunkan, LHDNM melalui Jabatan Perisikan Dan Profiling (JPDP) telah menggalakkan penggunaan e-SMUP yang telah diperkenalkan pada tahun sebelumnya dalam kalangan agensi kerajaan dan swasta untuk meningkatkan penyaluran masuk maklumat dan data potensi.

Untuk tempoh pelaksanaan tahun 2022, sebanyak 6,744 fail Q agensi didaftarkan bagi mendapatkan maklumat Q. Hasil daripada aktiviti tersebut, penyaluran masuk maklumat dan data tahun 2022 adalah sebanyak 26,002,230; peningkatan sebanyak 38% berbanding 18,708,343 bagi tahun 2021.

Kolaborasi bersama dengan agensi penguatkuasaan lain turut diadakan dalam mendukung usaha ini. Bagi tahun 2022, sebanyak 104 kes potensi telah diperoleh oleh LHDNM melalui Jabatan Khas hasil daripada kerjasama pertukaran dan perbandingan data bersama dengan agensi penguatkuasaan yang tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau AMLA. Manakala sebanyak 183 kes siasatan (keseluruhan) telah berjaya diselesaikan yang mana 27 kes melibatkan kes-kes hasil daripada kes potensi yang diperoleh bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain. LHDNM melalui Jabatan Siasatan juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

4.2 Memperluaskan Liputan Ekonomi Bayangan

Seiring dengan perkembangan pesat dalam sistem ekonomi dunia, isu ekonomi bayangan merupakan salah satu cabaran yang melanda sistem percukaian antarabangsa dan perlu ditangani dengan sewajarnya. Menyedari hakikat tersebut, LHDNM telah menjalankan aktiviti profiling berskala besar seperti lawatan banci bisnes dan projek tinjauan khas menggunakan aplikasi GeoHASiL bagi mengesan aktiviti ekonomi bayangan. GeoHASiL merupakan inisiatif baharu evolusi digitalisasi dalam memudahkan cara kerja yang lebih moden dan terkini. Ia telah dibangunkan sendiri oleh pakar dalam LHDNM.

Bagi tahun 2022, JPDP telah melaksanakan dua (2) kali aktiviti profiling berskala besar menggunakan sistem GeoHASiL iaitu :

- a) Lawatan Banci Bisnes (LBB) bersempena Program Keluarga HASiL dan Komuniti (HATi) di Langkawi pada 29 dan 30 Mac 2022, dan
- b) LBB Peringkat Nasional sempena Perasmian Sistem GeoHASiL oleh KPE LHDNM di Kuantan pada 21 dan 22 Jun 2022.

Selain daripada itu, aktiviti pembelajaran berterusan turut disediakan kepada pegawai-pegawai yang telah ditugaskan bagi memudahkan urusan pekerjaan mereka, terutamanya apabila melibatkan penggunaan sistem terkini yang mampu menjimatkan masa serta tenaga. Ia juga dapat mengurangkan risiko yang tidak diingini yang bukan sahaja akan mengganggu kelancaran tugas, malah boleh mengundang kepada ancaman yang memudaratkan.

Pelanggan merupakan elemen terpenting dalam memastikan segala pelaksanaan kerja berjalan dalam landasan yang betul. Sebagai sebuah agensi awam, pelanggan LHDNM terdiri daripada pelbagai peringkat masyarakat, termasuk kelompok yang paling utama iaitu pembayar cukai dan pemegang taruh.

Di bawah Teras Strategik 2, LHDNM memberi penekanan kepada skop-skop yang mengaitkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan

utama iaitu pembayar cukai. Empat (4) Objektif Strategik yang diberi tumpuan di bawah teras ini adalah :

- i. Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti,
- ii. Reputasi Dan Imej Korporat Cemerlang,
- iii. Pemantapan Sistem Tadbir Urus Dan Kawalan Dalaman, dan
- iv. Pembudayaan Pengurusan Risiko Dan Integriti.

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

Jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, tahun 2022 diibarat memberikan sinar positif kepada negara memandangkan ia merupakan tahun bermulanya fasa endemik yang semestinya membuka ruang baharu terhadap pelbagai aspek, lebih-lebih lagi dalam perkhidmatan awam terhadap rakyat.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang sentiasa menjadi perhatian umum, LHDNM sentiasa berusaha untuk memastikan segala keperluan dan kemudahan yang boleh memanfaatkan pembayar cukai akan dipenuhi. Apabila urusan pembayar cukai dipermudahkan, ini akan menggalakkan mereka ke arah pematuhan cukai secara sukarela di samping memberikan imej yang positif kepada organisasi. Sehubungan itu, perkhidmatan Sistem “e-Appointment” yang dibangunkan pada 2021 telah selesai sepenuhnya pada tahun 2022 dengan pelaksanaan secara berperingkat di kaunter setempat LHDNM dan turut mengambil kira situasi semasa pandemik.

Selain itu, dalam usaha untuk memperluas penggunaan aplikasi 9 Golden High Impact Customer Services (9GHICS) oleh perkhidmatan pelanggan melalui Learning Management System (LMS), LHDNM melalui Akademi Percukaian Malaysia (APM) dengan kerjasama Jabatan

Khidmat Korporat telah membangunkan aplikasi tersebut sepenuhnya pada tahun 2022. Dengan pembangunan aplikasi ini, pemantauan bagi taklimat dan pembelajaran kepada pegawai khidmat pelanggan LHDNM dapat dijalankan secara berpusat serta berkesan, terutamanya dalam aspek penyelarasan modul yang berkaitan dengan fungsi tugas mereka.

Seiring dengan usaha pendigitalan yang berterusan yang sememangnya mendatangkan manfaat jangka panjang terhadap semua pihak yang terlibat, LHDNM melalui Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah mengambil langkah untuk memproses permohonan baharu dan pembaharuan kelulusan ejen cukai dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima. Sebanyak 71 permohonan baharu dan 831 permohonan pembaharuan kelulusan telah disokong bagi tahun 2022. Selain itu, pembangunan Sistem Statistik Terbuka LHDNM telah selesai dilaksanakan pada 28 Julai 2022 dan boleh diakses melalui Portal Rasmi LHDNM di bawah ruangan Statistik Terbuka. Sebanyak 57 set statistik terbuka bagi Tahun 2017-2019 yang diterima daripada pelbagai jabatan telah dimuat naik ke Portal Rasmi LHDNM pada 20 Oktober 2022. IRBM Taxpayer Roadmap juga telah dikemas kini sebagai panduan pembayar cukai dalam berurusan dengan LHDNM.

OBJEKTIF STRATEGIK 2 : REPUTASI DAN IMEJ KORPORAT CEMERLANG

Di bawah objektif ini, penekanan diberikan kepada strategi perluasan pensijilan MS ISO di jabatan dan cawangan LHDNM memandangkan ia berkait rapat dengan reputasi dan imej korporat cemerlang organisasi. Di LHDNM, jabatan yang bertanggungjawab dalam mengurus serta menyelaras aktiviti yang berkaitan pensijilan ini adalah Jabatan Khidmat Korporat dan didukung oleh Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko.

Pensijilan MS ISO atau *International Organization for Standardization* merupakan satu badan antarabangsa yang mengeluarkan piawaian untuk membantu organisasi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka. Ia diaplikasikan di dalam sesebuah organisasi bagi menunjukkan kemampuan untuk menghasilkan produk dan penyediaan perkhidmatan yang konsisten bersesuaian dengan kehendak pelanggan dan keperluan perundangan yang diguna pakai. Pemakaian ISO menggalakkan pendekatan proses di dalam membangun, melaksana dan menambah baik keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti.

Bagi tahun 2022, perluasan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 kesemua cawangan LHDNM seluruh Malaysia bagi keempat-empat skop sedia ada bagi tujuan

mewujudkan keseragaman layanan serta tindakan terhadap pembayar cukai telah berjaya dijalankan sepenuhnya. Skop pelaksanaan tersebut meliputi :

- Proses penyediaan bayaran balik individu penggalangan bagi kes e-Filing,
- Pelaksanaan audit cukai kes syarikat,
- Pelaksanaan penerimaan sub-fail, penyediaan dan pemfailan writ saman dan pernyataan tuntutan (WSPT) bagi fail OG untuk kes cukai pendapatan; dan
- Prosedur pelaksanaan pelepasan sementara dan pembatalan sekatan perjalanan individu selain pengarah syarikat.

Tahun 2022 juga mencatatkan sejarah yang tersendiri apabila LHDNM menerima pengiktirafan Anugerah Gangsa bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) Tahun 2022 anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM). Ia merupakan penanda aras bagi organisasi dalam membudayakan integriti, tadbir urus terbaik dan antirasuah. Penganugerahan ini menzahirkan cerminan dan impak positif terhadap komitmen LHDNM yang sentiasa mengutamakan reputasi serta imej korporat cemerlang sebagai sebuah agensi kerajaan yang dihormati.



OBJEKTIF STRATEGIK 3 : PEMANTAPAN SISTEM TADBIR URUS DAN KAWALAN DALAMAN

Dalam memastikan segala pelaksanaan atas perancangan yang dijalankan berada dalam landasan yang tepat, adalah penting bagi sesebuah organisasi untuk membuat semakan dan pemantauan secara berterusan. Menerusi objektif strategik ini, LHDNM melalui Jabatan Audit Dalam (JAD) bertanggungjawab dalam pelaksanaan kawalan dalaman yang efektif dengan melaksanakan semakan pengauditan berdasarkan kepada Skop Terimaan dan Perakaunan Hasil LHDNM, dan risiko baharu ICT berdasarkan kepada perkembangan semasa.

Bagi tahun 2022, Pengauditan Skop Terimaan dan Perakaunan Hasil LHDN tahun 2022 telah selesai dilaksanakan, yang mana 99% tahap pematuhan Arahan Perbendaharaan (AP) dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) telah dicapai bagi semakan sendiri DAT Duti Setem, manakala 92% tahap pematuhan AP dan SPANM dicapai secara purata bagi skop pengauditan DAT Duti Setem. Program audit bagi skop audit ICT tahun 2022 juga selesai dengan pelaksanaan Kajian Audit Prestasi Ke Atas Perkhidmatan WiFi di LHDNM.

OBJEKTIF STRATEGIK 4 : PEMBUDAYAAN PENGURUSAN RISIKO DAN INTEGRITI

Selain daripada pemantapan tadbir urus dan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan integriti juga diberi tumpuan dalam memastikan semua warga LHDNM melaksanakan tugas berlandaskan peraturan yang telah ditetapkan. Aspek ini penting dalam memberikan nilai tambah terhadap kualiti setiap tugas di samping menyediakan prosedur yang seragam agar sebarang perkara yang tidak diingini dapat diatasi dengan baik serta terkawal.

Pensijilan ISO 22301:2019 Sistem Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (SPKP) LHDNM telah berjaya diteruskan sehingga 10 Mei 2024. Ia telah diperakukan oleh pihak badan pensijilan iaitu SIRIM Qas Sdn Bhd selepas lawatan audit yang dijalankan pada 17 hingga 18 Mei 2022. Skop SPKP LHDNM adalah Bayaran Balik Cukai Pendapatan

Syarikat yang dilaksanakan di Ibu Pejabat LHDNM dan melibatkan beberapa jabatan dan bahagian di LHDNM iaitu Jabatan Operasi Cukai, Jabatan Pungutan Hasil, Jabatan Khidmat Korporat (*Hasil Care Line*), Jabatan Logistik Korporat dan Bahagian Komunikasi (BKOM), Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (PKPE).

Selain itu, semakan dan tindakan kemas kini dokumen Sistem Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (SPKP) oleh setiap jabatan pelaksana juga dijalankan dari semasa ke semasa dengan beberapa inisiatif telah diambil dalam tahun 2022 iaitu jabatan pelaksana BKOM telah ditukarkan kepada PKPE dan pengemaskinian *Risk Analysis (RA) Business Impact Analysis (BIA)* serta *Business Continuity Strategy*.

RANGKUMAN AKTIVITI DAN PROGRAM OLEH LHDNM



LAWATAN AUDIT PEMANTAUAN OLEH SIRIM BAGI ISO 22301:2019 SISTEM PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (SPKP) LHDNM



BUAL BICARA LHDNM BERSAMA DENGAN AGENSI



LAPORAN PELAKSANAAN INISIATIF PEARL TAHUN 2022

LHDNM sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada pelanggan utama iaitu pembayar cukai dalam mendukung serta membantu mereka melaksanakan tanggungjawab percukaian kepada negara. Selain daripada menjalankan aktiviti kesedaran dan pendidikan percukaian yang berterusan, LHDNM juga tidak ketinggalan dalam menyebarkan penggunaan e-perkhidmatan seiring dengan perkembangan semasa serta memperkasakan semua aplikasi dalaman supaya menjadi sistem sokongan terbaik kepada warga kerja LHDNM dalam tugas sehari-hari mereka.

Teras Strategik 3 ini menekankan objektif strategik berikut bagi memantapkan sistem dan proses kerja agar lebih efektif serta efisien iaitu :

- i. Pemodenan Sistem Aplikasi dan Infrastruktur ICT,
- ii. Pengurusan Kos Yang Cekap dan Berkesan,
- iii. Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja, dan
- iv. Pelaksanaan Amalan Hijau Mampan.

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : PEMODENAN SISTEM APLIKASI DAN INFRASTRUKTUR ICT

LHDNM melalui beberapa jabatan pemilik proses bertanggungjawab dalam membangun dan melaksanakan projek berbentuk maya yang dilihat mampu memberikan pengalaman terbaik kepada pengguna yang meliputi pelbagai latar belakang serta keperluan penggunaan. Oleh itu, pelbagai perancangan dirangka agar semuanya dapat ditangani dan dipenuhi dengan sebaiknya.

1.1 Melaksanakan Transformasi Hasil (TH)

Transformasi Hasil merupakan satu inisiatif oleh LHDNM bagi memperkasakan pelan digitalisasi yang bukan sahaja menjadikan sistem dan proses kerja lebih efektif dan efisien, malah akan memanfaatkan pelanggan LHDNM terutamanya pembayar cukai. Bagi tahun 2022, terdapat beberapa produk baharu telah dilancarkan dan sebahagian daripada sistem sedia ada turut ditambah baik untuk memudahkan semua pihak yang terlibat agar dapat memberikan pengalaman yang terbaik kepada setiap pengguna. Sistem serta aplikasi yang telah dibangunkan berdasarkan transformasi ini adalah :

Jadual 1 : Sistem Baharu dan Inisiatif Sedia Ada Di Bawah Transformasi Hasil Bagi Tahun 2022

a) Sistem Baharu :	
Produk terbaharu LHDNM ini telah dilancarkan sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM Tahun 2022 :	
i.	#TAX – HASiL Taxpayer Management System #TAX merupakan pusat paparan utama bagi pengurusan Sistem e-Filing, Pembekal Khidmat Internet atau PKI bagi sijil digital, e-Filing Ejen Cukai (TAeF) dan <i>Electronic System Know-Your-Customer</i> (e-KYC). Ia adalah penambahbaikan kepada Sistem Pendaftaran Sijil Digital (SPSD) sedia ada dan hanya boleh diakses oleh Hasilian bagi melicinkan pengurusan percukaian pembayar cukai;

ii. e-KYC – *Electronic System Know-Your-Customer*

e-KYC merupakan perkhidmatan pengesahan identiti pengguna secara elektronik melalui teknologi *Artificial Intelligence* (AI) bagi permohonan nombor PIN sijil digital. Ia dapat dicapai menerusi aplikasi MyTax dengan menggunakan peranti mudah alih dan boleh diakses secara dalam talian; dan

iii. MyTax 2.0

MyTax 2.0 merupakan gerbang utama bagi informasi cukai kepada pembayar cukai dan versi ini merupakan penambahbaikan kepada sistem sebelumnya dengan fungsi serta paparan yang lebih mesra pengguna.

b) Inisiatif Sedia Ada :

Berikut merupakan sistem dan inisiatif yang telah ditambah baik mengikut keperluan semasa seiring dengan perkembangan teknologi terkini :

iv. *Malaysia Income Tax Reporting System* (MITRS),

v. Kerjasama dengan Kementerian Kewangan dalam Pengurusan Ejen Cukai,

vi. *Hasil Identity*,

vii. e-Perkhidmatan yang diperluas skop dan fungsi iaitu :

» e-Filing : Pengesahan identiti pembayar cukai secara dalam talian,

» e-SPC : Perluasan kepada kategori Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), dan

» e-Daftar : Perluasan kepada semua kategori pembayar cukai;

v. *Hasil Integrated Tax System* (HITS),

vi. e-Daftar Niaga Kuching, dan

vii. Capaian Data JPN melalui STS Selain Syarikat.

1.2 Memantap dan Membangunkan Sistem Aplikasi

Di bawah objektif ini, LHDNM melalui Jabatan Dasar Percukaian telah berjaya memuat naik sepenuhnya pelan perancangan pembangunan sistem e-polisi yang ditetapkan bagi tahun 2022. Sistem ini merupakan pangkalan data surat-menyurat polisi JDP yang membolehkan rujukan polisi dibuat secara dalam talian.

1.3 Menaik taraf Infrastruktur ICT / Peralatan Berkaitan *Smart Office Flexible Office*

Pelaksanaan *Smart Office Flexible Office* (SOFO) di LHDNM telah membawa pelbagai perubahan dalam pelaksanaan tugas sama ada di peringkat dalaman mahupun urusan dengan pelanggan dari luar. Langkah ini diambil bagi memastikan inisiatif pendigitalan ini dapat melancarkan setiap proses kerja yang terlibat di samping menambah baik kaedah sedia ada agar setiap perancangan dan pelaksanaan yang dijalankan kekal relevan serta praktikal dalam apa jua keadaan.

Bagi memenuhi objektif ini, LHDNM melalui Akademi Percukaian Malaysia telah membekalkan pensyarah dengan kemudahan peralatan *Surface with Stylus Pen* bertujuan melaksanakan pembelajaran secara maya, terutamanya dalam situasi semasa negara. Dalam pada itu, *Learning Management System* iaitu platform e-Pembelajaran HasiLearn yang memuat naik kandungan serta material kuliah yang lain secara e-kandungan, telah mula digunakan pada 1 Mac 2022.

OBJEKTIF STRATEGIK 2 : PENGURUSAN KOS YANG CEKAP DAN BERKESAN

Di bawah objektif ini, segala inisiatif adalah dijalankan secara berterusan oleh semua pemilik proses dan keberhasilan serta pencapaian akan dilaporkan setelah selesai dilaksanakan.

OBJEKTIF STRATEGIK 3 : PEREKAYASAAN PROSES DAN PROSEDUR KERJA

Dalam memastikan segala yang dirancang berjalan dengan lancar dan memenuhi keperluan yang ditetapkan, LHDNM melalui jabatan yang bertanggungjawab telah merangka serta menyusun strategi yang lebih spesifik mengikut fungsi tugas masing-masing. Aktiviti berfokus sebegini adalah penting agar pelaksanaannya tidak tersasar dan bersilang antara satu sama lain.

3.1 Memantapkan Operasi Pengurusan Insan

Selaras dengan transformasi LHDNM ke arah pendigitalan dan optimum sumber manusia, LHDNM memerlukan satu sistem pengurusan sumber manusia yang strategik dan komprehensif bagi memastikan pengendalian urusan sumber manusia dan operasi sumber manusia lebih efisien, efektif dan telus. Sebagai *strategic business partner*, LHDNM melalui Jabatan Pengurusan Insan (JPI) perlu mempunyai satu medium yang lebih berpusat dalam memastikan pembangunan kerjaya serta peningkatan kompetensi pegawai berada di tahap kompetensi tertinggi. Seajar dengan perkembangan teknologi, satu sistem yang menyeluruh dan bersepadu diperlukan dalam memastikan isu-isu berkaitan modal insan ditangani sewajarnya.

Integrated Human Resource System (iHRS) atau kini dikenali sebagai Sistem Pengurusan Insan (SPI) dibangunkan dengan keupayaan untuk menambah kecekapan serta keberkesanan proses kerja dan mengurangkan kerja-kerja manual. Bagi tahun 2022, strategi Pembangunan *Digital Human Resource System* (DHRS) melalui perekaayaan modul SPI meliputi penyediaan sebanyak 13 dokumen *Business Requirement Specification* (BRS) bagi modul-modul yang telah menjadi fokus bagi tahun 2022, dan kesemua dokumen BRS tersebut telah selesai disediakan serta dibentangkan kepada Jabatan Teknologi Maklumat untuk dilaksanakan ke fasa seterusnya.

Selain itu, Peraturan Bekerja SOFO LHDNM telah dikeluarkan melalui Arahan Pentadbiran Bil. 3 Tahun 2022 dan pelaksanaannya di LHDNM telah berkuat kuasa sepenuhnya mulai 1 Ogos 2022. Peraturan Bekerja SOFO LHDNM merupakan peraturan yang disediakan dengan kaedah bekerja secara fleksibel dari sudut masa dan lokasi. Kaedah bekerja SOFO adalah berdasarkan kepada penghasilan tugas dan memberikan fleksibiliti kepada pegawai untuk melaksanakan tugas di lokasi seperti berikut:

a. Bekerja Dari Pejabat (BDP)

Membolehkan pegawai melaksanakan tugas rasmi sepenuhnya di pejabat dengan memastikan pematuhan terhadap tempoh jam bekerja yang ditetapkan;

b. Bekerja Di Luar Pejabat (BLP)

Melibatkan kaedah bekerja dari lokasi seperti berikut:

- i. Bekerja Dari Rumah (BDR)
Kaedah ini membolehkan pegawai melaksanakan tugas rasmi sepenuhnya di rumah dengan memastikan pematuhan terhadap tempoh jam bekerja yang ditetapkan, dan
- ii. Mana-Mana Lokasi
Bekerja dari mana-mana lokasi membolehkan pegawai melaksanakan tugas dari mana-mana lokasi selain dari rumah dan pejabat tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan dengan memastikan pematuhan terhadap tempoh jam bekerja yang ditetapkan; atau

c. Kombinasi (Pejabat Dan Luar Pejabat)

Kaedah ini membenarkan pegawai melaksanakan tugas rasmi di pejabat dan di luar pejabat pada hari yang sama dengan memastikan pematuhan terhadap tempoh jam bekerja yang ditetapkan.

Melalui pelaksanaan SOFO, ia telah memberi fleksibiliti kepada pegawai untuk mengurus kaedah bekerja tanpa menjejaskan perkhidmatan kepada pembayar cukai.

3.2 Memperkasa Proses Kerja Program Audit

Bagi tahun 2022, LHDNM melalui Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah memperluaskan penggunaan Sistem Kerja Jarak Jauh (SKJ) kepada pegawai audit di setiap Cawangan bagi memastikan kes audit diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Secara keseluruhan, sebanyak 1,546,365 kes audit telah diselesaikan bagi kesemua cawangan LHDNM. Daripada keseluruhan kes tersebut, sebanyak 1,283,897 atau 83% telah diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pencapaian penyelesaian kes dalam tempoh menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021 di mana peratusan

penyelesaian bagi tahun 2021 ialah sebanyak 78%. Pencapaian ini menunjukkan bahawa penambahbaikan ke atas sistem dan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) telah meningkatkan penyelesaian kes audit dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Selain itu, tindakan penambahbaikan secara berterusan terhadap sistem dan proses kerja audit cukai dan audit majikan juga telah dilaksanakan. Tindakan penambahbaikan yang selesai dalam tahun tersebut dikategorikan kepada dua aspek iaitu :

Jadual 2 : Tindakan Penambahbaikan Proses Kerja dan Sistem Audit Bagi Tahun 2022

PROSES KERJA	
i.	Penilaian Prestasi Tahunan Pegawai Audit Cukai (PAC) dan Pegawai Audit Majikan (PAE),
ii.	Penyelesaian Kes Audit Menggunakan Kaedah Untung Kasar,
iii.	Pemantauan Kes Audit Cukai dan Audit Majikan,
iv.	Penambahbaikan Format Laporan Penemuan Audit Dan Laporan Akhir / Penyelesaian Bagi Pengauditan Semakan Menyeluruh,
v.	Arahan Operasi Bil.6 Tahun 2022 : Pengenaan Penalti dan Pengendalian Rayuan atas Penalti di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) (APCP) 1967 Dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT) 1976,
vi.	Pekeliling Operasi Bil.3 Tahun 2022 : Pengendalian Dan Pengurusan Kes Audit Harga Pindahan,
vii.	Tatacara Program Pematuhan Secara Libat Urus Bersama Kumpulan Syarikat Pembayar Cukai,
viii.	Penetapan Tempoh Penyelesaian Kes Audit Cukai Dan Audit Majikan Dari Tarikh Agihan Ibu Pejabat / Cawangan,
ix.	Rangka Kerja Audit Cukai versi Bahasa Malaysia,
x.	Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum versi Bahasa Malaysia,
xi.	Rangka Kerja Audit Kewangan dan Insurans versi Bahasa Malaysia,
xii.	Tatacara Pengauditan Isu Cukai Pegangan,
xiii.	Tatacara Pengauditan Kes <i>Professional Gamer</i> ,
xiv.	Pekeliling Operasi Bil.7 Tahun 2022 : Tatacara Pengendalian Kes Bagi Pembayar Cukai Yang Gagal Mengemukakan Borang Nyata Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967,
xv.	<i>Malaysia Income Tax Reporting System (MITRS)</i> ,

PROSES KERJA	
xvi.	Pelaksanaan Program Pematuhan Secara Libat Urus (PPLU) telah dilaksanakan secara berperingkat yang mana fasa pertama dimulakan dengan PPLU bersama kumpulan <i>Government Link Company</i> (GLC) dan / atau <i>Government Link Investment Company</i> (GLIC),
xvii.	Pelaksanaan program <i>Tax Corporate Governance</i> peringkat permulaan yang melibatkan enam buah syarikat,
xviii.	Memperkasakan Program Audit Bersepadu yang telah memasuki tahun ketiga dengan mengoptimumkan maklumat pihak ketiga,
xix.	Memperkasakan pemilihan kes Strategi Data Cukai bagi pembayar cukai yang tidak / kurang melaporkan pendapatan berdasarkan maklumat pihak ketiga,
xx.	Penambahbaikan pemilihan kes audit majikan yang berisiko dengan memperkenalkan 5 parameter baharu,
xxi.	Arahan Operasi Bil.7/2022 : Penjajaran Aktiviti Audit Cukai dan Audit Majikan,
xxii.	Arahan Operasi Kuasa Melulus Bayaran Ansuran,
xxiii.	Arahan Operasi Had Kelulusan Taksiran Kurangan, Taksiran Cukai Kena Dibayar Balik, Hutang Kepada Kerajaan Yang Dilepaskan dan Pendapatan Larasan Sementara Perkongsian Yang Dilepaskan,
xxiv.	Adendum Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2022: Pengenaan Penalti dan Pengendalian Rayuan ke atas Penalti di bawah ACP 1967, APCP 1967 dan ACKHT 1976,
xxv.	Pekeliling Operasi - Pelaksanaan <i>Malaysian Income Tax Reporting System</i> (MITRS), dan
xxvi.	Tatacara Pengendalian Kes Pengecualian Cukai Bagi Penerimaan Geran, Pendapatan Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan dan Lain-lain Penerimaan / Subsidi Khas Kerajaan; dan
SISTEM	
Sebanyak 25 penambahbaikan ke atas <i>Case Management System</i> (CMS) telah diambil melalui <i>Change of Request</i> (CR) yang melibatkan penambahbaikan ke atas Audit Cukai dan Audit Majikan.	

3.3 Memperkasa Proses Kerja Program Siasatan

Seiring dengan langkah pendigitalan yang diaplikasi di LHDNM, aktiviti siasatan juga tidak ketinggalan dalam menerapkan elemen ini dalam setiap proses kerja. Jabatan Siasatan selaku jabatan pemilik proses telah membuat pemantauan kes siasatan secara dalam talian melibatkan 518 kes. Selain itu, pengemukaan kelulusan kes secara digital turut dilaksanakan, yang mana pegawai penyiasat hanya perlu memuat naik dokumen

di dalam sistem tanpa perlu mengemukakan fail fizikal siasatan.

Walau bagaimanapun, pengemukaan kelulusan secara digital ini hanya terpakai sehingga tahun 2022 sahaja memandangkan tahun ini merupakan tahun peralihan untuk penyelesaian semua kes siasatan sivil dalam tangan dan semua aktiviti siasatan telah diajarkan semula bermula tahun 2023.

3.4 Memperkasa Proses Kerja Program Profiling

Di bawah objektif strategik ini, aspek profiling juga merupakan perkara penting yang perlu diberi penekanan. LHDNM melalui Jabatan Perisikan dan Profiling bersama-sama Jabatan Teknologi Maklumat telah membangunkan sistem pelaporan

statistik secara dalam talian bagi pencapaian Unit Perisikan dan Profiling (UPDP) dan Unit Pematuhan Cukai (UPC) yang mana sistem ini telah berjaya dibangunkan sepenuhnya dan digunakan mulai tahun 2022.

3.5 Memperkasa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pentadbiran Percukaian

LHDNM melalui Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah menyelaraskan serta memperkasa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pentadbiran Percukaian dengan memastikan MyPortfolio menggantikan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja di semua Jabatan. Sehubungan dengan itu, 21 jabatan termasuk Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif telah menyediakan MyPortfolio dan telah dimuat naik di Hasilpedia

Dalam pada itu, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM telah membangunkan Kit Pengurusan Komunikasi yang mana ia merupakan sebahagian daripada dokumen

bagi Audit Pemantauan ISO 22301:2019 Sistem Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan LHDNM dan turut dipantau oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi (BPRO), Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko. Dalam kit ini mengandungi strategi pengurusan krisis LHDNM, strategi pengurusan untuk keluar dari krisis (*exit strategy*), strategi Bekerja Dari Rumah (BDR) dan strategi menaik taraf infrastruktur ICT dan peralatan berkaitan BDR. Penilaian risiko ke atas krisis dinilai berdasarkan situasi normal dan situasi krisis yang rendah, sederhana atau tinggi.

OBJEKTIF STRATEGIK 4 : PELAKSANAAN AMALAN HIJAU MAMPAN

4.1 Memantapkan Operasi Pengurusan Insan

Di bawah objektif ini, segala inisiatif adalah dijalankan secara berterusan oleh semua pemilik proses dan keberhasilan serta pencapaian akan dilaporkan setelah selesai dilaksanakan.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang sentiasa menjadi perhatian masyarakat, LHDNM berusaha untuk memantapkan pengurusan organisasi yang mempunyai warga kerja yang produktif dan berkemahiran tinggi setanding dengan badan percukaian dunia yang lain. Hasilnya juga sering dijadikan contoh perbandingan yang positif dalam kalangan penjawat awam yang sememangnya membawa kepada imej yang baik kepada organisasi.

Bagi tujuan tersebut, penekanan diberikan kepada empat objektif strategik iaitu **Hasil Kompeten Dan Profesional, Persekitaran Kerja Kondusif Dan Selamat, Kelestarian Kepimpinan Dan Kepakaran dan Organisasi Dinamik**. Setiap elemen yang diterapkan ini sentiasa dipantau dan diperkemas mengikut kesesuaian serta keperluan semasa.

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : HASILAN KOMPETEN DAN PROFESIONAL

1.1 Membentuk Hasil Yang Berilmu Dan Kompeten

LHDNM sentiasa memastikan agar setiap pegawai (juga dikenali sebagai Hasil) diberi latihan serta bimbingan yang bersesuaian dengan cakupan tugas yang dijalankan sejajar dengan misi perkhidmatan. Dalam masa yang sama, Hasil juga dipersiapkan dengan kemahiran tambahan yang sememangnya akan memberikan kesan dan pengalaman pelanggan (*customer experience*) berbeza kepada setiap pelanggan yang berurusan di LHDNM. Program pensijilan dan pengiktirafan sebegini bukan sahaja akan memberi nilai tambah terhadap pegawai yang ditugaskan, tetapi dapat membawa manfaat kepada kepentingan organisasi.

Jabatan Pengurusan Insan (JPI) sebagai salah satu jabatan pemilik bagi pembentukan nilai diri seseorang Hasil telah mengambil langkah awal di peringkat permulaan kerjaya mereka dengan melaksanakan *Impact Assessment Report (IAR)* dalam program *Junior Housemanship Program 1 (JHP1)*. Langkah ini sejajar dengan kajian keberkesanan yang

telah dilaksanakan pada tahun 2022 selaras dengan hasrat Pengurusan Tertinggi LHDNM untuk memastikan program latihan tersebut relevan dengan keperluan organisasi. Ia juga memastikan bagi pegawai mendapat latihan sepenuhnya sebelum memulakan perkhidmatan. Elemen penambahbaikan lain yang ditekankan adalah :

- i. Penyusunan jadual *coach* disemak semula supaya kerja hakiki dan sasaran cawangan tidak terjejas,
- ii. Akses kepada modul program perlu ditambah baik menggunakan sistem atau platform secara dalam talian untuk memantau kemajuan setiap pegawai,
- iii. Penempatan pegawai ditambah baik dengan terus menempatkan pegawai di cawangan tetap berdasarkan bidang masing-masing secara *rotation*; dan
- iv. Platform bagi melaksanakan penilaian prestasi perlu ditambah baik melalui kaedah sistem yang berstruktur.

Selain itu, beberapa pegawai telah mendapat pentauliahan dalam program pensijilan yang dihadiri pada tahun 2022 iaitu :

Jadual 1 : Pentauliahan dan Pensijilan Kepada Pegawai LHDNM Bagi Tahun 2022

BIL.	MAKLUMAT PENSIJILAN	JABATAN / PEGAWAI TERLIBAT
1.	<i>Certified Internal Auditor</i> (CIA) oleh The Institute of Internal Auditor.	Seorang pegawai dari Jabatan Audit Dalam
2.	<i>Certified Energy Manager</i> oleh Suruhanjaya Tenaga	Encik Razifudin Bin Shafii dari Jabatan Logistik Korporat
3.	Sijil professional dalam bidang Juru Ukur Bahan oleh Lembaga Juru Ukur Bahan Malaysia	Sr. Mohd Faiz Bin Inche Mohamad Nasim (2017/ PQS01968) dari Jabatan Logistik Korporat
4.	Sijil Pentauliahan Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan	Puan Nurul Jannah Binti Hasnan dan Puan Nurul Ayuni Binti Mohd Ariff dari Jabatan Logistik Korporat

Dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, pegawai barisan hadapan yang bertindak sebagai jurucakap LHDNM turut diberi latihan dan kursus yang bersesuaian dengan tugas mereka. Bagi tahun 2022, dua (2) program yang dirangka khusus buat mereka telah dilaksanakan. Simposium *Customer Care Officer* (CCO) telah diadakan pada 14 sehingga 18 Mac 2022 bertujuan memperkasakan kualiti khidmat pelanggan dalam kalangan CCO dari semua jabatan dan cawangan LHDNM agar dapat mencapai kepuasan pelanggan yang diinginkan selain daripada penyelarasan serta keseragaman prosedur perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, Bengkel Webinar Pengurusan Media Ketika Krisis turut diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) pada 20 April 2022.

Beberapa sesi libat urus bersama dengan agensi kerajaan mahupun swasta juga diadakan bagi memberi peluang kepada Hasilian untuk melihat serta mempelajari perkara-perkara yang boleh

memperkemas proses kerja sedia ada hasil daripada lawatan tersebut. Di bawah objektif ini, Jabatan Audit Dalam LHDNM telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan Jabatan Audit Negara pada 1 Julai 2022 dan lawatan penanda aras ke Jabatan Audit Dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 9 Ogos 2022.



Lawatan penanda aras ke Jabatan Audit Dalam KWSP

1.2 Memantapkan Pengurusan Pengetahuan (*Knowledge Management*)

Akademi Percukaian Malaysia (APM) yang bertindak sebagai pusat latihan LHDNM telah dipertanggungjawabkan untuk mendokumentasikan pengalaman dan pengetahuan pegawai bersara dalam kalangan

Pengarah berjawatan *Key Leadership/ Key Critical Position*. Catatan sebegini dilihat penting sebagai panduan kepada Hasilian yang masih dalam perkhidmatan agar dapat meneruskan kecemerlangan yang dicapai

selain daripada mencipta rekod kegemilangan terbaharu. Sebanyak empat (4) pengalaman dan pengetahuan pesara LHDNM dalam tahun 2022 telah didokumenkan bagi tarikh 25 Februari, 15 April, 26 April dan 11 Ogos 2022.

Di bawah komponen ini juga, LHDNM telah mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan penguat kuasa cukai luar negara bagi memberi pendedahan kepada Hasilian tentang sistem percukaian negara-negara tersebut serta membuka ruang perbincangan yang boleh memanfaatkan pihak yang terlibat. Bagi tahun 2022, Hasilian telah diberi peluang untuk menghadiri sesi perkongsian pengetahuan melalui Bengkel “Pillar Two – Model GloBE Rules” bersama Sekretariat Organisation for Economic Co-operation

and Development (OECD) dan Kementerian Kewangan pada 2 Jun 2022; dan sesi bersama dengan *His Majesty's Revenue and Customs* (HMRC) iaitu “HMRC Knowledge Sharing (Pillar Two)” pada 21 Disember 2022.

Selain itu, jabatan-jabatan di LHDNM turut mengadakan konvensyen, simposium dan seminar yang mengupas serta membincangkan isu-isu percukaian semasa dengan lebih mendalam. Program sebegini sememangnya dapat menambahkan pengetahuan serta meneroka aspek ilmu yang pelbagai bukan sahaja terhadap Hasilian yang terlibat, malah kepada peserta luar yang turut menyertai sesi ini. Berikut merupakan konvensyen, simposium dan seminar yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 :

Jadual 2 : Konvensyen, Simposium dan Seminar Kepada Pegawai LHDNM Bagi Tahun 2022

BIL.	PROGRAM	ANJURAN
1.	<i>National Tax Conference</i>	Akademi Percukaian Malaysia
2.	<i>Simposium CCO 2022</i>	Jabatan Khidmat Korporat
3.	<i>Konvensyen Siasatan Kali Ke-10</i>	Jabatan Siasatan
4.	<i>Konvensyen Operasi 2022</i>	Jabatan Operasi Cukai
5.	<i>Konvensyen JLK-ACO On Board</i>	Jabatan Logistik Korporat
6.	<i>Tax Collection Summit 2022</i>	Jabatan Pungutan Hasil
7.	<i>Konvensyen JDP 2022</i>	Jabatan Dasar Percukaian
8.	<i>Legal Convention 2022</i>	Jabatan Undang-Undang
9.	<i>Konvensyen Pematuhan 2022</i>	Jabatan Pematuhan Cukai
10.	<i>Simposium Penyelidikan Percukaian 2022</i>	Jabatan Penyelidikan dan Strategik

1.3 Menambah /Menerbitkan Bahan Rujukan/ Buku/ Artikel Berkaitan Percukaian

Di bawah komponen ini, LHDNM melalui APM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran penulisan ilmiah pensyarah melalui program latihan yang khusus. Langkah ini diambil supaya segala penerbitan yang dikeluarkan adalah berkualiti tinggi memandangkan ia akan dijadikan panduan

bukan sahaja dalam kalangan Hasilian, malah akan diguna pakai oleh pihak-pihak berkepentingan. Bagi tahun 2022, seramai 20 orang pensyarah akademi telah menghadiri kursus penulisan ilmiah dan bilangan ini akan bertambah setiap tahun.

OBJEKTIF STRATEGIK 2 : PERSEKITARAN KERJA KONDUSIF DAN SELAMAT

Selain daripada memantapkan sahsiah diri dalam kalangan Hasilian, LHDNM juga memandang serius kepada kebajikan warga kerjanya, terutamanya dalam menyediakan persekitaran kerja yang baik, termasuk kemudahan-kemudahan dalam melaksanakan tugas. Pemantauan dan penambahbaikan yang berterusan telah dijalankan oleh Jabatan Logistik Korporat sebagai jabatan yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan

keselamatan dan keselesaan ruang kerja Hasilian sepanjang tahun.

Dalam masa yang sama, LHDNM turut melaksanakan penjimatan tenaga di Ibu Pejabat Menara Hasil Cyberjaya sebagai sokongan kepada saranan kerajaan terhadap penjagaan alam sekitar. Sehingga 31 Disember 2022, penjimatan yang berjaya dilaksanakan adalah sebanyak 9.27%.

OBJEKTIF STRATEGIK 3 : KELESTARIAN KEPIMPINAN DAN KEPAKARAN

3.1 Mengenal Pasti Dan Membangunkan Kepakaran

Kepimpinan dan kepakaran dalam sesebuah organisasi sememangnya akan silih berganti. Seiring dengan peredaran masa dan situasi, adalah penting bagi organisasi tersebut untuk mempersiapkan barisan legasi atau pelapis yang mampu menjadi pakar rujuk dalam sesuatu bidang agar kelangsungan ilmu itu tidak terhenti selepas tamatnya perkhidmatan seseorang pegawai yang berkemahiran tersebut.

Program Laluan Kepakaran memberi peluang kepada pegawai yang mempunyai kepakaran serta pengalaman luas dalam bidang tertentu untuk dilantik sebagai pegawai pakar. Pada 1 Mac 2022, seramai empat (4) orang pegawai daripada Cawangan Industri Khas telah dilantik ke jawatan Pakar (HGS S1) dalam

4 bidang kepakaran yang telah diluluskan seperti berikut:

- a) Pakar Petroleum : Pn. Siti Ramiza Binti Razak;
- b) Pakar Kewangan : Pn. Noriza Binti Esa;
- c) Pakar Insurans : Pn. Masnurah Binti Zain; dan,
- d) Pakar Pindahan Harga : Pn. Shahreen Binti Mahther.

Selaras dengan pelantikan pegawai pakar ini, pegawai akan menjadi sumber rujukan utama di dalam dan luar organisasi serta berkeupayaan menerajui perubahan dalam bidang kepakaran yang berkaitan.

3.2 Mengenal Pasti Dan Memantapkan Kepimpinan

LHDNM melalui JPI turut merangka dan melaksana Pelan Penggantian LHDNM bagi memantapkan dasar sedia ada dalam usaha untuk mengenal pasti Hasilian yang boleh diketengahkan sebagai pemimpin pada masa hadapan. Ia dilaksanakan melalui kaedah Ujian Psikometrik melibatkan pegawai-pegawai L2 yang berada dalam *Talent Pool* L3 (TPL3) seramai 95 orang bermula 28 Februari sehingga 11 Mac 2022.

Terdapat 12 *trait* personaliti yang boleh diukur iaitu asertif, analitikal, keyakinan diri, kepimpinan, jati diri, prihatin, silang budaya,

pencapaian, integriti, *patriotisme*, kecelaruan dan ketidakselarasan dengan menggunakan 90 soalan sebagai suatu siri alat ukur yang menyemak suatu hipotesis dan membuat keputusan tentang tindak balas tingkah laku manusia dengan persekitaran.

Kaedah pelantikan dan pemilihan pegawai yang lebih telus dan berstruktur telah dilaksanakan bagi melahirkan pemimpin yang berpotensi serta kompeten secara berterusan. Seramai 23 orang pegawai yang telah dinaikkan pangkat dari L2 ke L3 pada tahun 2022.

4.1 Memperkasa e-Pembelajaran

APM sebagai pemilik proses dalam menyusun dan menyediakan modul latihan di peringkat dalaman telah menambah baik sistem e-Pembelajaran yang digunakan dalam usaha untuk mendigitalkan kaedah pembelajaran dalam kalangan Hasilian, terutamanya dalam fasa pemulihan daripada pandemik ini. Bermula 1 Januari 2022, sistem e-Pembelajaran baharu iaitu HasiLearn telah mula digunakan, yang mana ia berupaya untuk menyimpan log aktiviti pengguna sistem tersebut.

4.2 Pemantapan Modal Insan Yang Fleksibel Dan Dinamik

Pembangunan modal insan merupakan salah satu elemen penting kepada LHDNM dalam membentuk sahsiah Hasilian menjadi seorang yang berdaya saing dan mempunyai kualiti diri yang tinggi. Bagi mempersiapkan pegawai dengan perkembangan terkini dalam organisasi, LHDNM telah melaksanakan program psikologi berkaitan *change management* kepada Pengurusan Atasan dan ke bawah (*Top Down Approach*). Program ini melibatkan pegawai kanan LHDNM sebagai ejen perubahan dan mereka berperanan

untuk menyampaikan hasrat kepada pegawai di lokaliti masing-masing agar bersedia menerima perubahan yang berlaku dalam organisasi.

Selain itu, Program Pengurusan Perubahan Dengan Kerjasama *His Majesty Revenue and Customs* (HMRC) juga telah diadakan dengan penglibatan seramai 163 orang pegawai.

Program ini merupakan program kerjasama dengan pihak HMRC dalam mengurus perubahan berdasarkan pengalaman agensi tersebut dalam melaksanakan perubahan. Melalui program tersebut peserta diberi penerangan mengenai prinsip dan teori mengurus perubahan serta pendedahan berhubung pengalaman HMRC dalam mengurus perubahan di agensi tersebut.



4.3 Memantapkan Pengurusan Prestasi

LHDNM turut memperkenalkan Program Kecemerlangan Prestasi (PROKEP) bagi pegawai yang menunjukkan prestasi rendah berdasarkan kepada markah penilaian prestasi tahun terkini yang telah dimuktamadkan oleh Panel Penyelarasan Insentif Prestasi (PPIP).

Rujukan pegawai berprestasi rendah ke PROKEP adalah berpandukan kepada perkara berikut:

- a) Pegawai berprestasi rendah dengan markah penilaian prestasi tahunan Tidak Memuaskan (0.00 hingga 0.99) wajib dicadangkan oleh JPI ke Jawatankuasa Penilaian PROKEP (JKPP) untuk dirujuk ke PROKEP, dan

- b) Pegawai berprestasi rendah dengan markah penilaian prestasi tahunan Di Bawah Ekspektasi (1.00 hingga 2.99) akan dicadangkan oleh JPI ke JKPP untuk dirujuk ke PROKEP tertakluk kepada syor dan ulasan daripada Pengarah Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan yang berkenaan.

Data berhubung penilaian prestasi tahunan pegawai berprestasi rendah akan diteliti oleh Kaunselor LHDNM secara menyeluruh dengan mengambil kira penjelasan pegawai berprestasi rendah tersebut, penyeliaanya atau lain-lain pegawai yang difikirkan perlu bagi memastikan penilaian prestasi tersebut melambangkan prestasi

sebenarnya pegawai tersebut. Kaunselor LHDNM juga akan membuat saringan bagi mengenal pasti faktor utama yang mengakibatkan prestasi rendah tersebut, sama ada disebabkan oleh permasalahan kompetensi, sikap, kesihatan atau lain-lain faktor.

Setiap pegawai berprestasi rendah yang dirujuk ke PROKEP wajib mengikuti pelan pembangunan prestasi yang telah ditetapkan. Fokus pelan pembangunan prestasi tersebut adalah untuk menambah baik prestasi kerja, pemulihan tingkahlaku, meningkatkan kawalan emosi dan mengubah pemikiran pegawai ke arah yang lebih positif terhadap pekerjaan.

Pegawai yang menunjukkan perubahan diri yang positif akan dikeluarkan daripada senarai PROKEP dan diberikan Surat Kepujian Perubahan Diri. Sebaliknya, pegawai PROKEP yang gagal menunjukkan perubahan diri yang positif akan dirujuk kepada prosedur tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib LHDNM 2008 atau tertakluk kepada lain-lain keputusan Pihak Berkuasa Melulus.

Pada tahun 2022, terdapat lima (5) orang pegawai telah melalui program PROKEP yang terdiri daripada dua (2) orang dari Kumpulan Eksekutif (E3 dan E1) dan tiga (3) orang dari Kumpulan Bukan Eksekutif (NET 4 dan NE 1).

4.4 Memperkasa Pengurusan Organisasi Secara *Lean Organisation*

LHDNM menerusi JPI memberi fokus kepada beberapa pelan tindakan yang dilihat dapat menambah baik pengurusan organisasi ke arah mempersiapkan Hasil yang lebih berdayasaing dan produktif pada tahun 2022. LHDNM telah meluluskan kajian menaik taraf perjawatan Kumpulan Bukan Eksekutif iaitu 955 perjawatan secara tukar ganti (*trade off*) bagi mewujudkan 326 perjawatan Eksekutif Hasil (EH) selaras dengan hala tuju struktur perjawatan ke arah 60:40 menjelang tahun 2032. Pelan tindakan berkaitan dengan hala tuju bagi kajian ini adalah seperti berikut :

- a) Menambah baik terma dan syarat perkhidmatan LHDNM;
- b) Kajian keperluan perjawatan dan pengagihan semula perjawatan mengikut keperluan serta fokus strategik berdasarkan kelulusan pihak Pengurusan LHDNM;
- c) Pelaksanaan *Mutual Separation Scheme* (MSS);
- d) Pemantapan Peraturan Tatatertib LHDNM 2008; dan
- e) Pelaksanaan menaik taraf dan memantapkan kemahiran (*upskilling / reskilling*) pegawai Kumpulan Bukan Eksekutif dengan kerjasama Akademi Percukaian Malaysia untuk melayakkan pegawai mengisi perjawatan yang lebih tinggi.

Pengurusan LHDNM telah menetapkan pada 1 Januari 2023 sebagai tarikh pelaksanaan Perubahan Struktur Organisasi di Peringkat Negeri LHDNM secara menyeluruh. Perkara ini melibatkan perubahan dan penyusunan semula struktur Pejabat Pengarah Negeri (PPN) mengikut aktiviti dan berkonsepkan *Front Office Back Office* (FOBO). Objektif utama perubahan struktur ini adalah seperti berikut:

- a) *Lean organisation* dan ke arah *flat structure*;
- b) Optimumkan sumber dan tingkat kecekapan kos;
- c) Pendigitalan proses kerja; dan
- d) *Performance Indicator* (KPI) berasaskan negeri.

Penyusunan semula struktur negeri daripada lokaliti kepada fungsi dan aktiviti manakala bagi Cawangan Siasatan (CSi) fungsi diselenggarakan mengikut negeri dan aktiviti sebagai Seksyen Siasatan.

Bagi memastikan kelancaran perkara tersebut, sesi pilot test perubahan struktur organisasi di peringkat negeri telah dilaksanakan di Negeri Johor mulai 1 Jun sehingga 31 Disember 2022. Sepanjang tempoh bulan Oktober hingga Disember 2022, beberapa sesi libaturus, perkongsian maklumat dan bengkel penyediaan dasar telah diadakan dengan wakil-wakil daripada jabatan (*strategic partner*) bagi meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang proses *pilot test* dijalankan.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN HASIL

SENARAI ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN TAHUN 2022

ANUGERAH LHDNM

GOLD MEDAL AWARD DAN JAPAN INTELLECTUAL PROPERTY ASSOCIATION (JIPA) SPECIAL AWARD (SISTEM E-FILING)

25 Mac 2022

ANJURAN:
Public Service Innovation Awards (PSIA) 2022
Sempena Malaysia Technology Expo 2022



KONVENSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022

9 Jun 2022

ANUGERAH:
Anugerah Perdana Keselamatan Perlindungan Negara (Kategori Badan Berkanun Persekutuan Terbaik)
PENERIMA: Ibu Pejabat LHDNM



BEST FPX MERCHANT (GOVERNMENT SECTOR)

20 Julai 2022

ANJURAN:
Majlis E-Payment Excellence Awards 2022 Anjuran Payments Network Malaysia (Paynet)



ANUGERAH:
Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2021
PENERIMA: Ibu Pejabat LHDNM dan Cawangan Melaka

PLAK BERLIAN PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN: ZAKAT MENERUSI POTONGAN GAJI MELEBIHI RM1 JUTA DI SELANGOR

4 Oktober 2022

ANJURAN:
Lembaga Zakat Selangor



BINTANG GANGSA (AGANSI KERAJAAN) BAGI ANUGERAH PENARAFAN BINTANG CDERT PERTAHANAN AWAM 2021 SEMPENA SAMBUTAN DEKAD PLATINUM ANGKATAN PERTAHANAN AWAM

12 Oktober 2022

ANJURAN:
Angkatan Pertahanan Awam



BRONZE AWARD (HASIL CHAT) BAGI SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS INTERNATIONAL INNOVATION AWARDS (SDGIIA) 2022 SEMPENA MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2022

21 Oktober 2022

ANJURAN:
Malaysia
Technology Expo



PENGANUGERAHAN SIJIL AUDIT BERSIH TANPA SEBARANG TEGURAN BAGI PENYATA KEWANGAN LHDNM DAN KUMPULAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

8 Disember 2022

OLEH: Jabatan Audit Negara.

GREDA PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA DENGAN PENCAPAIAN 90.15% DALAM AUDIT BERSASAR – CAWANGAN TAWAU

12 Disember 2022

OLEH:
Jabatan Keselamatan
Dan Kesihatan
Pekerjaan Sabah



BANGUNAN BERPRESTASI TINGGI – MENARA HASIL PETALING JAYA

17 Disember 2022

OLEH: Majlis Bandaraya Petaling Jaya



PENGURUSAN ATASAN LHDNM

AUTHORITY MEMBER OF LABUAN FINANCIAL SERVICES AUTHORITY (FSA)

1 Januari 2022

PENERIMA:
YBhg. Datuk Abu Tariq bin
Jamaluddin,
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pematuhan) LHDNM



**PENGANUGERAHAN PROFESOR
KEHORMAT (HONORARY PROFESSOR)
SEMPENA KONVOKESYEN KE-12
UNIVERSITY OF CYBERJAYA**

**3 Disember
2022**

PENERIMA:
YBhg. Datuk
Dr. Mohd
Nizom bin Sairi,
Ketua Pegawai
Eksekutif
LHDNM.



**PANGLIMA GEMILANG DARJAH KINABALU
(P.G.D.K.) SEMPENA HARI JADI RASMI KE-
69 TAHUN TUAN YANG TERUTAMA YANG
DI-PERTUA NEGERI SABAH, TUN DATUK
SERI PANGLIMA JUHAR MAHIRUDDIN**

1 Oktober 2022

PENERIMA:
YBhg. Datuk Abu Tariq bin Jamaluddin,
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan)
LHDNM.



**PINGAT KEBAKTIAN (PK) BAGI
PERKHIDMATAN CEMERLANG
DALAM REJIMEN 501 ASKAR
WATANIAH MELEBIHI 12 TAHUN**

5 Februari 2022

PENERIMA:
Puan Normaziah binti
Mahmood,
Cawangan Muar.



**PINGAT GANGSA SUKAN SEA KE-31
DI VIETNAM**

19 Mei 2022

PENERIMA:
Cik Hannani
Adriana binti
Shamsul Azizan,
Cawangan
Pembayar Cukai
Besar.



**JUARA (KATEGORI WANITA) CUCKOO
MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE
2022**

24 Mac 2022

PENERIMA:
Cik Syazalina binti
Mohd Affandi dan
Cik Hannani Adriana
binti Shamsul Azizan,
Cawangan Pembayar Cukai Besar.



**PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K) SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN
KE-79 DULI YANG MAHA MULIA RAJA
PERLIS, TUANKU SYED SIRAJUDDIN
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA
JAMALULLAIL**

13 Jun 2022

PENERIMA:
Puan Harnis Sunarita
binti Ishak,
Cawangan Kangar.



DARJAH AHLI MAHKOTA PERAK (A.M.P) SEMPERA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN DULI YANG MAHAMULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK, SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH

11 Ogos 2022

PENERIMA:
Puan Suria Maimun
binti Mat Jais,
Jabatan Pungutan Hasil.



PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K) SEMPERA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-76 DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ

22 September 2022

PENERIMA:
Puan Yew Swee Choo,
Jabatan Khidmat
Korporat.



NAIB JOHAN KATEGORI PERSEORANGAN LELAKI DALAM KEJOHANAN PROFESSIONAL DARTS DEVELOPER (PDD) MALAYSIA MASTERS 2022

17 September 2022

PENERIMA:
Encik Muhammad Haikal Rusli,
Cawangan Shah Alam.



PINGAT PEKERTI TERPILIH SEMPERA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-76 DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ

21 September 2022

PENERIMA:
YM Syed Azhari Bin Syed Khalid,
Cawangan Klang.



PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K) SEMPERA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-76 DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ

22 September 2022

PENERIMA:
Encik Saleh Bin Mohamed Jais,
Cawangan Klang.



PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K) SEMPERA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-76 DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ

22 September 2022

PENERIMA:
Puan Nor Zawiah @
Mazidah Binti Zakaria,
Cawangan Klang.



PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K) SEMPERA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-76 DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ

22 September 2022

PENERIMA:
Puan Fazlindah Binti
Mohamed Yusoff,
Cawangan Klang.



**WATIKAH PELANTIKAN DAN
PENTAULIAHAN MUNSJI MUDA BAHASA
PERKHIDMATAN AWAM**

25 Oktober 2022

PENERIMA:

Cik Ranjeet Kaur, Puan Norizan Ismail, Encik Masrun Maslim, Puan Haifa Amanatul Hafiz Abdul Rafek, Puan Norashikin Mohd Ramli dan Encik Mohd Ridzuan Ramli, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

**PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI
BERTAULIAH (CeIO): SEKTOR AWAM**

25 Oktober 2022

PENERIMA:

Encik Aminuddin Jali, PPN WP Putrajaya.



**BINTANG SETIA KINABALU (B.S.K)
SEMPENA HARI JADI RASMI KE-69
TAHUN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-
PERTUA NEGERI SABAH, TUN DATUK SERI
PANGLIMA JUHAR MAHIRUDDIN**

9 November 2022

PENERIMA:

Encik Abdul Rahman
@ Yussof Rasid,
Cawangan Sandakan.



**AHLI DARJAH KINABALU (A.D.K)
SEMPENA HARI JADI RASMI KE-69
TAHUN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-
PERTUA NEGERI SABAH, TUN DATUK SERI
PANGLIMA JUHAR MAHIRUDDIN**

9 November 2022

PENERIMA:

Encik Saharin Alias,
Cawangan Siasatan
Kota Kinabalu.



**BINTANG SETIA KINABALU (B.S.K)
SEMPENA HARI JADI RASMI KE-69
TAHUN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-
PERTUA NEGERI SABAH, TUN DATUK SERI
PANGLIMA JUHAR MAHIRUDDIN**

9 November 2022

PENERIMA:

Encik Mazlan Mandin,
Cawangan Keningau.



**AHLI MAHKOTA PAHANG (A.M.P) SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN YANG KE-63
KEBAWAH DYMM SULTAN PAHANG, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA
BILLAH SHAH AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN
BILLAH**

8 Disember 2022

PENERIMA:

Puan Azuraliza Md Kassim,
Cawangan Kuantan.



BANTUAN KHAS KERAJAAN 2022

PENGENALAN

1.1 Susulan daripada prestasi cemerlang yang dipamerkan dalam menguruskan bantuan yang dirancang oleh kerajaan pada tahun 2021, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sekali lagi diberi kepercayaan dan tanggungjawab oleh Kerajaan untuk terlibat secara langsung dalam melaksanakan polisi-polisi Kerajaan bagi tahun 2022 bagi pelaksanaan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dan Bantuan Automatif Keluarga Malaysia (BAKM). LHDNM dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan sebagai agensi pelaksana dalam memproses dan membuat verifikasi kelayakan permohonan.

1.2 Kerajaan memperkenalkan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) menerusi Belanjawan 2022 dengan bantuan tunai bagi mengurangkan bebanan rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Kerajaan juga telah mengumumkan tambahan bayaran tunai sebanyak RM50 bagi individu bujang dan RM100 bagi isi rumah yang menerima BKM yang dibayar bersekali dalam bayaran Fasa 2 selepas mengambil kira cabaran kos sara hidup dan kenaikan harga barang makanan.

1.3 Bantuan Automatif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) adalah penambahbaikan daripada inisiatif sedia ada di bawah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia bertujuan untuk meringankan beban golongan terjejas akibat bencana banjir sejak 18 Disember 2021. Inisiatif sedia ada melalui baucar diskaun automotif sebanyak RM1,000 telah diperluas bagi pembaikan atau penggantian kenderaan persendirian yang rosak atau musnah akibat banjir dan dibuat di pusat servis atau pengedar sah yang berdaftar dengan syarikat yang mengambil bahagian.

2. PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN KHAS KERAJAAN

2.1 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

BPR	TEMPOH PENDAFTARAN	PERUNTUKAN (RM)	SASARAN	TUJUAN
BKM 2022	01/1/2022 – 31/1/2022	8.2 bilion	9.6 juta penerima	Penambahbaikan Bantuan Kewangan (Inisiatif 1 agar kumpulan yang benar-benar terkesan, diberi lebih tumpuan)

2.2 BANTUAN AUTOMOTIF KELUARGA MALAYSIA (BAKM) 2022

BPR	TEMPOH PENDAFTARAN	TUJUAN
BAKM 2022	19/1/2022 – 31/3/2022	Penambahbaikan daripada inisiatif sedia ada di bawah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia

3. STATISTIK

3.1 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

3.1.1 Laporan Permohonan BKM 2022

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	LULUS	STATUS PERMOHONAN	
			TIDAK LULUS	TIDAK LAYAK
BKM 2022	12,331,716	8,637,607	3,556,012	138,097

3.1.2 Laporan Permohonan BKM 2022 Mengikut Negeri

NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH LULUS	JUMLAH LULUS (RM)
Johor	1,563,038	1,081,239	882,610,550
Kedah	966,700	698,569	602,947,300
Kelantan	806,024	587,160	519,638,850
Melaka	394,658	265,012	213,333,250
Negeri Sembilan	507,597	339,691	277,038,050
Pahang	659,923	466,647	406,039,900
Perak	1,158,686	824,579	667,422,600
Perlis	118,045	85,232	74,876,450
Pulau Pinang	705,196	459,310	354,481,950
Sabah	1,036,816	795,906	718,109,550
Sarawak	1,165,281	867,967	745,331,050
Selangor	2,139,463	1,271,109	984,817,650
Terengganu	542,621	390,598	350,908,700
W.P. Kuala Lumpur	766,150	439,219	322,887,000
W.P. Labuan	31,549	21,565	18,667,400
W.P. Putrajaya	27,995	10,645	6,974,750
Lain-Lain Negeri	85,075	33,159	17,679,950

3.1.3 Laporan Permohonan BKM 2022

PERKARA	JUMLAH RAYUAN	STATUS PERMOHONAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
BKM 2022	163,622	81,260	82,362

3.1.4 Laporan Permohonan Rayuan BKM 2022

NEGERI	JUMLAH LULUS	JUMLAH LULUS (RM)
Johor	9,015	8,810,500
Kedah	6,129	5,902,000
Kelantan	5,242	5,038,450
Melaka	2,745	2,651,150
Negeri Sembilan	3,613	3,530,750
Pahang	4,051	3,985,800
Perak	7,199	7,034,250
Perlis	755	761,150
Pulau Pinang	4,982	5,078,950
Sabah	7,034	7,884,450
Sarawak	7,951	8,787,750
Selangor	14,323	13,652,900
Terengganu	3,407	3,241,050
W.P. Kuala Lumpur	4,275	4,126,800
W.P. Labuan	332	340,150
W.P. Putrajaya	207	163,000
Lain-Lain Negeri	-	-

3.1.5 Penerima Bantuan Tunai Tambahan BKM 2022

DATA	FASA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH BAYARAN (RM)
Data Penerima BKM Fasa 1	One-off	Tiada Permohonan	8,639,178	629,554,150
Data Lulus Permohonan Rayuan	One-off	Tiada Permohonan	71,382	5,649,150
Semakan Semula Rayuan	One-off	Tiada Permohonan	625	53,850

3.2 BANTUAN AUTOMOTIF KELUARGA MALAYSIA (BAKM) 2022

3.2.1 Laporan Permohonan BAKM 2022

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	LULUS	STATUS PERMOHONAN	
			TIDAK LULUS	TIDAK LAYAK
BAKM (2022)	22,819	12,982	4,522	138,097

3.2.2 Laporan Kelulusan BAKM 2022

FASA	PERMOHONAN LULUS (KIR)*	JUMLAH KENDERAAN	IMPLIKASI KEWANGAN (RM)
Fasa 1	2,175	3,025	2,642,774
Fasa 2	6,346	9,797	8,589,352
Semakan Semula	1,615	2,048	1,758,068
Fasa 3	2,793	4,537	4,063,951
Tambahan Fasa 3	53	82	71,369
Jumlah	12,982	19,489	17,125,514

* KIR = Ketua Isi Rumah

4. SEMAKAN STATUS KELULUSAN

3.1 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

3.1.1 Laporan Permohonan BKM 2022

JENIS BANTUAN	KAEDAH
BKM 2022	a. Portal Rasmi Bantuan Keluarga Malaysia LHDNM, https://bkm.hasil.gov.my dengan memilih Log Masuk; atau b. Hubungi <i>Hotline</i> BKK LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau c. Hubungi <i>Hotline</i> BKK MOF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau d. Hadir ke LHDNM yang berhampiran.
BKM 2022	a. Hubungi <i>Hotline</i> BKK LHDNM: 1-800-88-2747; atau b. Talian Bantuan Khas Kerajaan Cawangan LHDNM; atau c. Hubungi <i>Hotline</i> BKK MOF: 03-8882 4565 / 4566

5. PEMBAYARAN

5.1 JUMLAH BAYARAN ASAS YANG AKAN DITERIMA BAGI BKM 2022

KATEGORI BANTUAN	PENDAPATAN (RM)	BILANGAN ANAK / NILAI BANTUAN (RM)		
		0	1-2	≥3
Isi Rumah	2,500 dan ke bawah	1,000	1,500	2,000
	2,501 - RM5,000	400	600	800
Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan	5,000 dan ke bawah	600		
Bujang	2,500 dan ke bawah	350		

5.1.1 Kadar Bantuan Tunai Tambahan (BTT) hanya diberikan kepada penerima isi rumah seperti berikut:

- Tambahan RM500 kepada penerima kategori isi rumah berstatus Ibu Bapa Tunggal (IBT) yang mempunyai anak menepati syarat; atau
- Tambahan RM300 kepada penerima kategori isi rumah berstatus Warga Emas.

KATEGORI BANTUAN	PENDAPATAN (RM)	BIL. ANAK	KELAYAKAN ASAS (RM)	KELAYAKAN SELEPAS KADAR TAMBAHAN (RM)
IBT yang Mempunyai Anak (tambahan RM500)	2,500 dan ke bawah	1-2	1,500	2,000
		≥3	2,000	2,500
	2,501 – 5,000	1-2	600	1,100
		≥3	800	1,300
Isi Rumah Berstatus Warga Emas (tambahan RM300)	2,500 dan ke bawah	1-2	1,500	1,800
		≥3	2,000	2,300
	2,501 – 5,000	1-2	600	900
		≥3	800	1,100

5.2 KAEDAH BAYARAN BKM DAN BTT 2022

BIL	FASA	KAEDAH BAYARAN	TARIKH BAYARAN
1	Fasa 1	Ada Akaun Bank	Mulai 28 Mac 2022 secara berperingkat.
		Tiada Akaun Bank	Tuntutan tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 30 Mac 2022.
		Tiada Akaun Bank (Pedalaman Sabah / Sarawak)	
2	Fasa 2 dan Bantuan Tunai Tambahan	Ada Akaun Bank	Mulai 27 Jun 2022 secara berperingkat.
		Tiada Akaun Bank	Tuntutan tunai di cawangan BSN mulai 27 Jun 2022. (Jadual Pembayaran Kaunter Pedalaman boleh rujuk pada Portal Rasmi BKM)
		Tiada Akaun Bank (Pedalaman Sabah / Sarawak)	
3	Fasa 3 dan Bantuan Tunai Tambahan	Ada Akaun Bank	Mulai 20 September 2022 secara berperingkat.
		Tiada Akaun Bank	Tuntutan tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 20 September 2022.
4	Fasa 4	Ada Akaun Bank	Mulai 15 November 2022 secara berperingkat.
		Tiada Akaun Bank	Tuntutan tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 15 November 2022.

5.3 KAEDAH BAYARAN BAKM 2022

KAEDAH BAYARAN	KELOMPOK 1	KELOMPOK 2	SEMAKAN SEMULA	KELOMPOK 3	KELOMPOK 3 TAMBAHAN
Ada Akaun	Mulai 28 Februari 2022	Mulai 27 April 2022	Mulai 13 Jun 2022	Mulai 21 Julai 2022	Mulai 26 Oktober 2022
Tiada Akaun / Status Pengkreditan Gagal Kredit	Mulai 02 Mac 2022				

6. SENARAI AGENSI MEMOHON DATA BKM 2022

BIL	NAMA AGENSI	TUJUAN PERMOHONAN
1.	Great Eastern Takaful Berhad (GETB)	Pelaksanaan Program MySalam
2.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	Program Pemberian Subsidi Kerusi Keselamatan Kanak - Kanak
3.	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)	Pengemaskinian Sistem PDPS
4.	Lembaga Tabung Haji	Penentuan Kategori Jemaah Haji Mengikut Kumpulan B40, M40 dan T20
5.	Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), JPM	Pelaksanaan Bantuan Mangsa Banjir Monsun Timur Laut
6.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Penentuan Kelayakan Penawaran PTPTN
7.	Life Insurance Association of Malaysia (LIAM)	Program Perlindungan Tenang Bernilai RM75 (PTV75)
8.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Program Matrikulasi KPM
9.	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)	Program Bantuan Dialisis MITRA 2022
10.	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)	Program Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) MITRA
11.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Program Dermasiswa
12.	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)	Program Bakul Prihatin MITRA 2022
13.	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)	Program Modal Insan MITRA 2022
14.	Kementerian Kesihatan Malaysia	Pakej Penjagaan COVID-19
15.	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)	Program Kesejahteraan Sosial MITRA 2022
16.	PERKESO	Program Pasaran Buruh Aktif

AKTIVITI BAHAGIAN BANTUAN KHAS KERAJAAN (BBKK)

PEMBUKAAN KAUNTER PERMOHONAN BKM 2022



PEMBUKAAN KAUNTER BAGI BAYARAN PEDALAMAN SABAH DAN SARAWAK



BENGKEL POST-MORTEM PELAKSANAAN PERMOHONAN BKM 2022



LAWATAN AUDIT BANTUAN AUTOMOTIF KELUARGA MALAYSIA (BAKM)



LAWATAN DAN PEMANTAUAN ASET DI BAWAH SBKK 2022



PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL HASIL

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL HASIL

LATAR BELAKANG PROGRAM

Program Tanggungjawab Sosial HASiL merupakan program yang telah diusulkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam menterjemahkan usaha kerajaan untuk membantu dan memastikan kebajikan rakyat terbela. Ia merupakan program pemberian sumbangan sama ada berbentuk kewangan

atau barangan yang dilaksanakan secara meluas melalui Pejabat Pengarah Negeri LHDNM di seluruh Malaysia, bagi menyalurkan bantuan barangan dan sumbangan kepada golongan yang memerlukan, terutamanya dalam fasa pemulihan negara.

OBJEKTIF PROGRAM

Pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial HASiL ini merupakan inisiatif serta komitmen LHDNM untuk menyokong usaha kerajaan dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan masyarakat. Bagi tahun 2022, berikut adalah aktiviti tanggungjawab sosial dan komuniti yang telah dilaksanakan di seluruh negara :

JANUARI

1

Pemberian Sumbangan Kewangan Kepada Persatuan Belia Seri Cempaka (PBSC), Lembah Pantai, Kuala Lumpur Bagi Program *Back To School 2022*

Tarikh : 20 Januari 2022

Sumbangan : Wang tunai RM5,000 berserta Cenderamata HASiL iaitu 100 naskhah buku nota dan pen.



FEBRUARI

1

Program “Book Charity For Needy” Kepada Perpustakaan Mini Pusat Komuniti Masyarakat Kota Anggerik

Tarikh : 16 Februari 2022

Sumbangan : 5,973 buku sumbangan Keluarga HASiL.

2

Program Khidmat Komuniti
HASiL : Selangor

Tarikh : 24 Februari 2022
Sumbangan : Sumbangan kewangan, pembaikan balai raya dan peralatan sukan kepada penduduk Kampung Bangi, Hulu Langat.



3

Pemberian Sumbangan Kewangan Kepada Persatuan Kebajikan dan Sosio Ekonomi Orang Kurang Upaya (OKU) Daerah Sik, Kedah

Tarikh : 28 Februari 2022
Sumbangan : Wang tunai RM10,000 bagi merealisasikan usaha-usaha menyediakan kemudahan pendidikan, pembangunan dan operasi pertubuhan.

MAC

1

Pemberian Sumbangan Kewangan Kepada Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin 5, Pengkalan Hulu, Perak

Tarikh : 9 Mac 2022
Sumbangan : Wang tunai RM5,000 bagi mengimarahkan Program Ihya' Ramadan serta menjayakan Majlis Berbuka Puasa yang telah dirancang oleh pihak pengurusan Maahad Tahfiz.

2

Program Solat Hajat, Bacaan Yasin dan Penyampaian Sumbangan CSR Bersempena Dengan Sambutan Hari HASiL Ke-26

Tarikh : 11 Mac 2022
Sumbangan : Kabinet besi, barangan keperluan masjid dan lain kepada Masjid Al-Mawaddah Taman Seri Gaya, Kota Kinabalu.



3

Program Sahabat HASiL Dan CSR di Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang, Selangor

Tarikh : 15 Mac 2022

Sumbangan : *Screen projector*, wang tunai dan bahan bacaan.



4

Program Tanggungjawab Sosial HASiL ke 10 Buah Sekolah di Selangor

Tarikh : 15 Mac 2022

Sumbangan : 2,401 rim kertas A4



5

Pemberian Sumbangan Kewangan Kepada Persatuan Kebajikan Anak Permata Syurga Terengganu

Tarikh : 16 Mac 2022

Sumbangan : Wang tunai RM5,000 bagi meringankan tanggungan persatuan untuk menampung kos penjagaan anak-anak yang menghidap *Cerebral Palsy* di samping menyalurkan bantuan kewangan kepada ibu bapa anak-anak istimewa ini.

APRIL

1

Pemberian Sumbangan Kewangan Kepada Rumah Anak-Anak Yatim Sempena Program Ihya' Ramadan LHDNM Tahun 2022

Tarikh : 12 April 2022

Sumbangan : Sumbangan duit raya kepada 45 orang anak yatim dan asnaf, serta sumbangan RM5,000 kepada setiap rumah kebajikan dan pusat jagaan yang diraikan.



2

Sumbangan Pek Makanan Kepada 20 Keluarga Golongan Asnaf Kampung Sodomon, Keningau, Sabah

Tarikh : 13 April 2022
Sumbangan : Pek makanan.



3

CSR LHDNM – Tabung Sumbangan Ramadan HASiLian Labuan 2022 Kepada Masjid, Surau Dan Maahad Tahfiz Terpilih Sekitar W.P. Labuan

Tarikh : 13 – 15 April 2022
Sumbangan : Sumbangan tunai dan pek juadah berbuka puasa.

MEI

1

Rayuan Infak Tabung Kebajikan PERKIM Bahagian Wilayah Persekutuan

Tarikh : 10 Mei 2022
Sumbangan : Wang tunai RM5,000 bagi meringankan tanggungan pertubuhan untuk melaksanakan pelbagai program dakwah, pendidikan dan kebajikan khususnya buat golongan asnaf mualaf.

2

Pemberian Sumbangan Kewangan Kepada Maahad Ashraf Al Abrar, Kuala Krai, Kelantan

Tarikh : 10 Mei 2022
Sumbangan : Wang tunai RM5,000 bagi meringankan tanggungan pengurusan dalam menampung pelbagai kos makan minum anak-anak yatim dan asnaf yang belajar di Maahad ini.

JULAI

1

Pemberian Sumbangan Kewangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagan Terap, Sungai Besar, Selangor

Tarikh : 13 Julai 2022
Sumbangan : Wang tunai RM5,000 bagi merealisasikan hasrat sekolah untuk menambah baik persekitaran pembelajaran yang kondusif.



OGOS

1

Program Tanggungjawab Sosial LHDNM: HASiL Kasih Prihatin

Tarikh : 14 Ogos 2022
Sumbangan : Kit Pengurusan Jenazah kepada wakil-wakil daripada 28 buah masjid dan sebuah Pusat Jagaan Warga Tua di sekitar daerah Kuala Selangor, Selangor.

SEPTEMBER

1

Program HASiL Kasih Prihatin Anjuran PPN Selangor

Tarikh : 7 September 2022
Sumbangan : Sumbangan kepada tiga (3) buah rumah kebajikan/pusat jagaan yang terpilih di sekitar Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah gotong-royong dan penyajian makan tengah hari kepada penghuni rumah kebajikan/pusat jagaan berkenaan.

2

Program HASiL Kasih Prihatin
Anjuran PPN Melaka

Tarikh : 22 September 2022
Sumbangan : Wang tunai
berjumlah RM13,600
dan cenderahati
kepada Rumah Seri
Kenangan Cheng,
Melaka. Aktiviti
yang turut dijalankan
adalah sukaneka
bersama penghuni
dan mengecat
Blok C Rumah Seri
Kenangan Cheng.



3

Program HASiL Kasih Prihatin Anjuran
PPN Pulau Pinang

Tarikh : Sumbangan sejumlah
Sumbangan : RM30,118.90 kepada Pusat
Jagaan Darul Hanan. Aktiviti
yang dijalankan adalah
gotong-royong, penyediaan
makanan, beriadah dan
menyantuni penghuni-
penghuni pusat jagaan.



4

Program HASiL Kasih Prihatin
Anjuran PPN Perak

Tarikh : 27 September 2022
Sumbangan :

Wang tunai berjumlah RM23,000,
penyerahan tiga buah kerusi roda
dan dua unit kipas ekzos. Antara
aktiviti yang dijalankan adalah
pengisian rohani melalui bacaan
Surah Yaasin serta tazkirah ringkas
oleh Pengerusi Guru Agama
Dakwah Taiping, pertandingan
mewarna, gotong-royong dan
mengecat kawasan pusat jagaan.



5

Program HASiL Kasih Prihatin Anjuran PPN Terengganu/Kelantan

Tarikh : 28 September 2022

Sumbangan : Wang tunai berjumlah RM29,100 dan sumbangan barangan keperluan kepada Rumah Ehsan, Dungun, Terengganu.



6

Program HASiL Kasih Prihatin Anjuran PPN Sarawak

Tarikh : 28 September 2022

Sumbangan : Wang tunai berjumlah RM26,000 dan barangan keperluan antaranya alat pembersih *waterjet*, kelengkapan solat dan peralatan sukan serta riadah buat penghuni Rumah Sri Kenangan Kuching, Sarawak. Selain melawat persekitaran dan menyantuni warga penghuni, Hasilian turut terlibat dalam projek tanaman pokok buah dan landskap serta refleksologi di sekitar rumah jagaan tersebut.



7

Program HASiL Kasih Prihatin Anjuran PPN Negeri Sembilan

Tarikh : 29 September 2022

Sumbangan : Wang tunai sejumlah RM15,000 kepada Rumah Seri Kenangan Seremban, Negeri Sembilan. Aktiviti yang dijalankan adalah penanaman 14 jenis pokok di bawah Projek Taman Herba dan mengecat Dewan Terbuka Rumah Seri Kenangan Seremban.



NOVEMBER

1

Program Jom Bersama HASiL

Tarikh : 16 November 2022

Sumbangan : 200 bakul makanan HASiL Kongsi Rezeki kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sekitar daerah Kuala Selangor serta sumbangan tunai kepada Rumah Tunas Harapan Tengku Ampuan Rahimah dan surau-surau yang terpilih di daerah Kuala Selangor.

2

CSR 3.0 KPPU HASiL Kasih Prihatin

Tarikh : 25 November 2022

Sumbangan : Barangan makanan kepada Pasukan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) di Bohey Dulang dan Pos Pulau Sibuan; Pasukan Polis Marin di Pos Pulau Mabul; Madrasah Islamiah, Kampung Pulau Mabul; dan penduduk Kampung Pulau Mabul, Semporna, Sabah.



3

Pemberian Sumbangan Kewangan kepada Yayasan Orang Buta Malaysia

Tarikh : 30 November 2022

Sumbangan : Sumbangan sebanyak RM8,760 bagi pembelian dua (2) buah Mesin Taip *Braille* bagi menjayakan program pembekalan *Classic Perkins Braille* yang akan digunakan sebagai alat tulis untuk menghasilkan tulisan *Braille* di sekolah, institut pengajian tinggi mahupun di rumah.

4

Misi Bantuan Banjir: Pemberian Sumbangan Kepada Team HASiL di PPN Terengganu/Kelantan dan Pahang

Sumbangan : Wang tunai berjumlah RM15,300 kepada 50 orang Hasilian di bawah PPN Terengganu/Kelantan dan seorang Hasilian Cawangan Kuantan yang terkesan dengan musibah banjir.



YAYASAN LHDNM

Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) merupakan sebuah Syarikat Berhad menurut jaminan yang telah ditubuhkan oleh LHDNM pada 6 Oktober 2017.

Penubuhan YLHDNM ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi manfaat dan kebajikan kepada pegawai-pegawai LHDNM serta keluarga dan masyarakat setempat seperti pendidikan, kesihatan, penyelidikan, alam sekitar, sosial dan sukan.

YLHDNM ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik oleh LHDNM dalam menjalankan fungsi yang digariskan dalam Perlembagaannya.

Pada tahun 2022, YLHDNM telah melaksanakan pelbagai aktiviti melibatkan program pendidikan seperti pemberian insentif pendidikan kepada pelajar cemerlang SPM tahun 2021, pemberian Insentif Khas Pengajian Tinggi dan penajaan Biasiswa. Sehingga tahun 2022, YLHDNM telah memberi penajaan Biasiswa kepada 23 orang anak pegawai Hasil yang berkecukupan. Sebagai salah satu tanggungjawab sosial, YLHDNM turut sama menyumbang dalam membantu mangsa yang terlibat dalam bencana banjir besar yang melanda negara bermula bulan November 2022.



PENYATA KEWANGAN



PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

KANDUNGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga 108

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 109

PENYATA Kedudukan Kewangan 110

PENYATA Prestasi Kewangan 111

PENYATA Perubahan Aset Bersih 112

PENYATA Aliran Tunai 113 - 114

PENYATA Perbandingan Bajet dan Sebenar 115 - 116

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 117 - 160



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 53.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan di Nota 3 kepada penyata kewangan mengenai Hartanah, Loji dan Peralatan dan Nota 35 mengenai Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan.

Termasuk di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan adalah tanah di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan nilai buku bersih berjumlah RM70.45 juta (2021 : RM70.50 juta). Semua tanah tersebut telah diiktiraf sebagai aset Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia walaupun peletakhakan masih belum dilaksanakan. Pada 30 Mac 2023, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menerima surat keputusan daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan permohonan untuk meletakhakan tanah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak diluluskan dan kelulusan permohonan pada 8 Januari 2018 telah dibatalkan. Pelarasan terhadap item tanah tersebut masih belum dibuat kerana butiran mengenai pajakan dan perekodannya belum dimuktamadkan.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenaunya

Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenaunya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenaunya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit

yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
13 OKTOBER 2023



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Kami, **DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN** dan **DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN
Pengerusi Lembaga

17 April 2023

SELANGOR



DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA
Anggota Lembaga

17 April 2023

SELANGOR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **MOHAMAD FAUZI BIN SAÁT**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas,)
di Selangor)
Pada 12 April 2023)


MOHAMAD FAUZI BIN SAÁT

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Undang-Undang
Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai
Cyberjaya

Di hadapan saya,




PESURUHJAYA SUMPAH

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2022	2021	2022	2021
		RM	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,665,037,085	1,701,753,014	1,665,037,085	1,701,753,014
Aset Tak Ketara	4	90,069,713	65,713,006	90,069,713	65,713,006
Kerja Dalam Kemajuan	5	33,048,870	48,027,233	33,048,870	48,027,233
Pelaburan Entiti Dikawal	6	-	-	1,000,000	1,000,000
Pelaburan Sedia Dijual	7	11,357,838	-	-	-
Pembiayaan Pekerja	8	1,002,518	861,158	1,002,518	861,158
		1,800,516,024	1,816,354,411	1,790,158,186	1,817,354,411
ASET SEMASA					
Pembiayaan Pekerja	8	789,041	825,128	789,041	825,128
Wang Cagaran dan Prabayar	9	4,770,152	5,289,458	4,770,152	5,289,458
Bayaran Pendahuluan	10	7,654,354	2,813,135	7,654,354	2,813,135
Pelbagai Penghutang	11	1,074,183,533	899,460,700	1,073,817,579	899,419,909
Tunai dan Kesetaraan Tunai	12	1,206,593,520	682,458,213	1,114,946,331	580,385,730
		2,293,990,600	1,590,846,634	2,201,977,457	1,488,733,360
JUMLAH ASET		4,094,506,624	3,407,201,045	3,992,135,643	3,306,087,771
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat Pekerja	13	2,007,788,503	1,935,822,846	2,007,788,503	1,935,822,846
Pinjaman Berjangka	14	94,774,936	110,789,936	94,774,936	110,789,936
		2,102,563,439	2,046,612,782	2,102,563,439	2,046,612,782
LIABILITI SEMASA					
Manfaat Pekerja	13	181,603,526	176,502,803	181,603,526	176,502,803
Pinjaman Berjangka	14	16,015,000	17,645,019	16,015,000	17,645,019
Peruntukan Yuran Audit		110,000	110,000	110,000	110,000
Kumpulan Wang Pembangunan	15	5,781,981	78,514,978	5,781,981	78,514,978
Kumpulan Wang Nasional	16	-	30,595,950	-	30,595,950
Pelbagai Pemiutang	17	668,894,321	530,878,893	667,809,612	530,101,035
Deposit	18	3,115,295	2,756,544	3,115,295	2,756,544
Peruntukan Cukai	31	194,062	-	-	-
		875,714,185	837,004,187	874,435,414	836,226,329
JUMLAH LIABILITI		2,978,277,624	2,883,616,969	2,976,998,853	2,882,839,111
ASET BERSIH					
Kumpulan Wang Amanah	19	7,059,343	6,643,081	7,059,343	6,643,081
Kumpulan Wang Pelaburan	20	152,619,245	19,513,189	152,619,245	19,513,189
Kumpulan Wang Pinjaman	21	18,284,821	18,225,874	18,284,821	18,225,874
Lebihan Berkumpul		938,265,591	479,201,932	837,173,381	378,866,516
JUMLAH ASET BERSIH		1,116,229,000	523,584,076	1,015,136,790	423,248,660
JUMLAH LIABILITI DAN ASET BERSIH		4,094,506,624	3,407,201,045	3,992,135,643	3,306,087,771

Nota-nota di muka surat 117 hingga 160 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2022	2021	2022	2021
		RM	RM	RM	RM
Hasil	22	3,393,190,144	2,813,438,514	3,393,190,144	2,813,438,514
Pendapatan Operasi Lain	23	13,561,798	5,173,190	13,561,726	87,688,335
Pendapatan Daripada Pelaburan dan Pinjaman	24	28,447,265	24,998,626	25,521,955	24,034,549
		3,435,199,207	2,843,610,330	3,432,273,825	2,925,161,398
Kos Pekerja	25	(2,009,107,369)	(1,840,667,682)	(2,009,107,369)	(1,840,667,682)
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	(76,561,168)	(70,721,708)	(76,561,168)	(70,721,708)
Susut Nilai Aset Tak Ketara	4	(34,703,114)	(24,817,997)	(34,703,114)	(24,817,997)
Perbelanjaan Operasi Lain	26	(718,073,969)	(673,986,034)	(716,099,443)	(772,914,673)
Kos Kewangan	27	(3,914,601)	(3,295,290)	(3,914,601)	(3,295,290)
		(2,842,360,221)	(2,613,488,711)	(2,840,385,695)	(2,712,417,350)
Lebihan Sebelum Cukai		592,838,986	230,121,619	591,888,130	212,744,048
Percukaian	31	(194,062)	-	-	-
Lebihan Tahun Semasa		592,644,924	230,121,619	591,888,130	212,744,048

Nota-nota di muka surat 117 hingga 160 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pelaburan	Kumpulan Wang Pinjaman	Lebihan Terkumpul	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN					
Baki pada 1 Januari 2021	5,790,495	19,363,523	18,153,790	250,154,649	293,462,457
Lebihan Tahun Semasa	852,586	149,666	72,084	229,047,283	230,121,619
Baki pada 31 Disember 2021	6,643,081	19,513,189	18,225,874	479,201,932	523,584,076
Lebihan Tahun Semasa	416,262	2,045,264	58,947	590,124,451	592,644,924
Pindahan Tahun Semasa	-	131,060,792	-	(131,060,792)	-
Baki pada 31 Disember 2022	7,059,343	152,619,245	18,284,821	938,265,591	1,116,229,000
LHDNM					
Baki pada 1 Januari 2021	5,790,495	19,363,523	18,153,790	167,196,804	210,504,612
Lebihan Tahun Semasa	852,586	149,666	72,084	211,669,712	212,744,048
Baki pada 31 Disember 2021	6,643,081	19,513,189	18,225,874	378,866,516	423,248,660
Lebihan Tahun Semasa	416,262	2,045,264	58,947	589,367,657	591,888,130
Pindahan Tahun Semasa	-	131,060,792	-	(131,060,792)	-
Baki pada 31 Disember 2022	7,059,343	152,619,245	18,284,821	837,173,381	1,015,136,790

Nota-nota di muka surat 117 hingga 160 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2022	2021	2022	2021
		RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Lebihan Sebelum Cukai		592,838,986	230,121,619	591,888,130	212,744,048
Pelarasan Item Bukan Tunai dan Bukan Operasi:					
Pendapatan dari Pelaburan dan Pinjaman		(28,447,265)	(24,998,626)	(25,521,955)	(24,034,549)
Pendapatan dari Pembiayaan Kepada Entiti Dikawal		-	-	-	(461,777)
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan		(70,595,950)	(59,142,200)	(70,595,950)	(59,142,200)
Pelunasan Geran Khas Kumpulan Wang Pembangunan		(72,732,998)	(83,987,096)	(72,732,998)	(83,987,096)
Rugi Pelupusan Aset		1,557,904	2,746,932	1,557,904	2,746,932
Kos Kewangan		3,914,601	3,295,290	3,914,601	3,295,290
Peruntukan Manfaat Pekerja		197,744,863	193,090,525	197,744,863	193,090,525
Peruntukan Kos Pekerja		491,935,536	456,392,700	491,935,536	456,392,700
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		76,561,168	70,721,708	76,561,168	70,721,708
Susutnilai Aset Tak Ketara		34,703,114	24,817,997	34,703,114	24,817,997
Sumbangan Berbentuk Aset		(1,382,792)	(7,204,440)	(1,382,792)	(7,204,440)
Pelarasan Bukan Tunai (Aset)		-	3,281	-	3,281
Pelarasan / Pengelasan Semula Aset		-	(1,629,056)	-	(1,629,056)
Keuntungan Atas Penyelesaian Awal Pinjaman		-	-	-	(67,628,239)
Pembiayaan Pekerja Dihapuskira		-	16,521	-	16,521
Perubahan Sebelum Modal Kerja		1,226,097,167	804,245,155	1,228,071,621	719,741,645
Perubahan Pembiayaan Pekerja		(105,273)	92,488	(105,273)	92,488
Perubahan Pelbagai Penghutang, Wang Cagaran dan Bayaran Pendahuluan		(173,909,078)	(654,836,851)	(173,583,914)	(654,860,034)
Perubahan Pelbagai Pemiutang, Peruntukan dan Deposit		(361,048,689)	(237,902,209)	(361,355,540)	(238,327,957)
Perubahan Manfaat Pekerja		(120,678,483)	(116,020,018)	(120,678,483)	(116,020,018)
Perubahan Bersih Kumpulan Wang Nasional		(30,595,950)	(60,069,200)	(30,595,950)	(60,069,200)
Pembayaran Cukai		-	(690,200)	-	-
Aliran Tunai Bersih Dijana Dari/ (Digunakan Untuk) Aktiviti Operasi		539,759,694	(265,180,835)	541,752,461	(349,443,076)

Nota-nota di muka surat 117 hingga 160 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2022	2021	2022	2021
		RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Penambahan Hartanah, Loji dan Peralatan		(26,543,070)	(86,230,564)	(26,543,070)	(86,230,564)
Penambahan Aset Tak Ketara		-	(27,297,937)	-	(27,297,937)
Penambahan Kerja Dalam Kemajuan		(50,181,840)	(35,888,482)	(50,181,840)	(35,888,482)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		110,433	610,624	110,433	610,624
Pendapatan Dari Pelaburan Diterima		23,662,504	21,083,500	20,386,287	19,785,920
Pembelian Pelaburan Sedia Dijual		(11,708,744)	-	-	-
Terimaan Daripada Penyelesaian Awal Pinjaman		-	-	-	100,000,000
Aliran Tunai Bersih (Digunakan Untuk) Aktiviti Pelaburan		(64,660,717)	(127,722,859)	(56,228,190)	(29,020,439)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan Diterima		70,595,950	59,142,200	70,595,950	59,142,200
Faedah Dibayar		(3,914,601)	(3,295,290)	(3,914,601)	(3,295,290)
Perubahan Bersih Pinjaman Berjangka		(17,645,019)	27,760,618	(17,645,019)	27,760,618
Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan		49,036,330	83,607,528	49,036,330	83,607,528
Pertambahan/ (Pengurangan) Bersih Tunai		524,135,307	(309,296,166)	534,560,601	(294,855,987)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		682,458,213	991,754,379	580,385,730	875,241,717
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	12	1,206,593,520	682,458,213	1,114,946,331	580,385,730

Nota-nota di muka surat 117 hingga 160 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	AMAUN BAJET		AMAUN SEBENAR	VARIAN *	
	Asal	Akhir			
	RM	RM	RM	RM	%
TERIMAAN					
Fi Agensi	2,577,679,000	2,577,679,000	3,246,051,905	668,372,905	25.93
Pemberian Dari Kerajaan Persekutuan (BKM)	70,000,000	70,000,000	70,676,500	676,500	0.97
Hasil Pelaburan	18,000,000	18,000,000	24,513,255	6,513,255	36.18
Peruntukan Perbelanjaan Modal	159,803,300	159,803,300	116,445,751	(43,357,549)	(27.13)
JUMLAH TERIMAAN	2,825,482,300	2,825,482,300	3,457,687,411	632,205,111	22.38
PERBELANJAAN OPERASI					
Emolumen	1,737,647,030	1,969,965,040	1,929,357,963	40,607,077	2.06
Perkhidmatan dan Bekalan	481,477,510	471,477,510	425,114,361	46,363,149	9.83
Aset	2,200,000	2,200,000	1,271,035	928,965	42.23
Pemberian dan Bayaran Tetap	191,747,110	191,747,110	134,814,943	56,932,167	29.69
Bayaran Lain	44,977,100	54,977,100	50,927,125	4,049,975	7.37
Jumlah Perbelanjaan Operasi	2,458,048,750	2,690,366,760	2,541,485,427	148,881,333	5.53
PERBELANJAAN MODAL					
Projek Bangunan Pejabat	71,042,000	71,042,000	13,202,536	57,839,464	81.42
Projek Sistem Pengkomputeran	147,908,800	147,908,800	103,243,225	44,665,575	30.20
Jumlah Perbelanjaan Modal	218,950,800	218,950,800	116,445,761	102,505,039	46.82
BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM)					
Emolumen	35,000,000	35,000,000	29,111,399	5,888,601	16.82
Selain Emolumen	35,000,000	35,000,000	29,816,850	5,183,150	14.81
Jumlah Perbelanjaan BKM	70,000,000	70,000,000	58,928,249	11,071,751	15.82
JUMLAH PERBELANJAAN	2,746,999,550	2,979,317,560	2,716,859,437	262,458,123	8.81
LEBIHAN/ (KURANGAN)	78,482,750	(153,835,260)	740,827,974	369,746,988	(240.35)

* Varian merujuk kepada perbezaan di antara amaun bajet akhir dan amaun bajet sebenar

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

i) Perbezaan Di Antara Bajet Asal Dan Bajet Akhir

Peningkatan di dalam jumlah bajet akhir adalah disebabkan oleh tambahan peruntukan bagi Imbuhan Tahunan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan prestasi pegawai dan kedudukan kewangan LHDNM pada tahun 2022.

ii) Justifikasi Ke Atas Varian Yang Signifikan

a) Terimaan

i. Fi Agensi

Peningkatan hasil kutipan cukai langsung negara yang melebihi daripada amaun unjuran telah menyumbang kepada peningkatan fi agensi yang merupakan 1.85% dari hasil kutipan.

ii. Hasil Pelaburan

Seiring dengan kenaikan jumlah fi agensi yang diterima, hasil pelaburan juga meningkat disebabkan oleh kemampuan LHDNM untuk melabur menggunakan lebihan tunai yang diterima.

b) Perbelanjaan

i. Aset

Pengurangan ke atas perbelanjaan aset disebabkan oleh kelulusan perolehan aset dihadkan kepada perolehan yang bersifat mendesak, kritikal, berisiko tidak dilaksanakan dan yang memenuhi keperluan semasa sahaja. Di samping itu, LHDNM juga telah melaksanakan langkah pengawalan dan pengurusan perbelanjaan pada tahun 2022 bermula pada 23 September sehingga 31 Disember 2022.

ii. Pemberian dan Bayaran Tetap

Perbelanjaan sebenar bagi Saguhati Tamat Perkhidmatan dan Gantian Cuti Rehat adalah berdasarkan jumlah pesara sebenar.

iii. Projek Bangunan Pejabat dan Projek Sistem Pengkomputeran

Perbelanjaan bagi projek bangunan pejabat dan projek sistem pengkomputeran telah diunjurkan semula kerana terdapat keperluan pelarasan semula pelaksanaan projek-projek pada tahun 2022. Perbelanjaan yang telah dibuat adalah berdasarkan perkhidmatan dan bekalan yang telah diterima dengan sempurna sahaja.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT AM

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM adalah ejen kepada Kerajaan yang memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai-cukai lain.

Alamat Ibu Pejabat LHDNM adalah di Menara Hasil, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 17 April 2023.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan

i) Penyataan Pematuhan

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Penyata Kewangan Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Syarikat 2016.

ii) Asas Penyatuan

Penyediaan penyatuan Penyata Kewangan bagi Kumpulan telah mengambilkira semua pelarasan MFRS dan IFRS kepada MPSAS.

Penyata Kewangan yang disatukan adalah merangkumi Penyata Kewangan LHDNM dan entiti yang dikawalinya apabila LHDNM mempunyai kawalan. Kawalan wujud apabila LHDNM mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Penyata Kewangan entiti dikawal disatukan bermula dari tarikh kawalan sehingga tarikh LHDNM berhenti mengawalinya. Sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan entiti dikawal dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan entiti dikawal.

Semua transaksi dan baki sesama Kumpulan serta keuntungan atau kerugian yang tidak diiktiraf akan dihapuskan di dalam Penyata Kewangan disatukan.

Penyata Kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusan niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

iii) Asas Pengukuran

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting. Manakala bagi penyediaan Penyata Kewangan YLHDNM telah disediakan menggunakan asas kos sejarah kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

iv) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM dilaporkan dalam Mata Wang Fungsian Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Kumpulan dan LHDNM beroperasi. Semua maklumat kewangan yang dinyatakan, dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

v) Paiwaan Yang Telah Dikeluarkan Tetapi Belum Berkuat Kuasa

Tiada piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa dan diguna pakai awal oleh Kumpulan dan LHDNM di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini.

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembelian RM2,000 seunit dan ke atas akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun, peralatan seperti permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambil kira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

Sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos di bawah RM2,000 dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan.

Hartanah, Loji dan Peralatan pada awalnya direkod pada kos dan ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul (jika ada).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Jika suatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan kepada nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut yang mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti terlebih dahulu sehingga syarat-syarat tersebut dipenuhi.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai buku bersih atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang atau potensi perkhidmatan kepada Kumpulan dan LHDNM dan kos tersebut dapat diukur secara pasti.

Kos pengubahsuaian bangunan pejabat selain daripada kos yang membentuk Aset Alih dan Aset Tak Ketara akan dikelaskan sebagai aset pengubahsuaian sekiranya kos tersebut melebihi RM20,000.

Semua perbelanjaan baik pulih, dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku. Untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku. Untung atau rugi ditentukan apabila terdapat perbezaan di antara penerimaan bersih dengan nilai dibawa.

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

Tanah Pajakan	Berdasarkan Tempoh Pajakan
Bangunan	2%
Pengubahsuaian	20%
Jentera	6.67%
Kenderaan	20%
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	20%
Komputer	33.33%

Tanah Milik Bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusut nilai. Kerja Dalam Kemajuan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu disemak sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

2.3 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Kumpulan dan LHDNM dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diukur berdasarkan kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset Tak Ketara yang terdiri daripada lesen dan perisian akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 33.33%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i) Aset penjana tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan LHDNM mengkaji semula nilai dibawa aset-asetnya bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Nilai dalam penggunaan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

ii) Aset penajaan bukan tunai

Kumpulan dan LHDNM akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penajaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan dan LHDNM akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan dan LHDNM telah menggunakan pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di dalam pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual yang mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan dan LHDNM menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan dan LHDNM menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5 Pelaburan Entiti Dikawal

